



Syarikat elektronik Jerman
buka kilang di Melaka **6**

RIP Al-Fatiha

Zubaidi Amir Qusyairi Abd Malek

28 Disember 2014 - 29 Januari 2021

Perangi COVID-19

Konsep hospital kluster dimulakan - Muhyiddin

KUALA LUMPUR - Penggunaan kemudahan hospital, klinik, makmal, kepakaran, perkhidmatan dan sumber manusia swasta oleh kerajaan telah bermula bagi meringankan beban yang ditanggung oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam memerangi pandemik COVID-19.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin berkata penyumbangan luar sertai kemudahan kesihatan swasta oleh ker-

han sumber penjagaan kesihatan itu perlu memandangkan kes COVID-19 yang naik mendadak dalam negara dan sistem kesihatan negara hambar mencapai tahap genting.

Dalam konteks ini, salah satu daripada perkara penting dalam pelaksanaan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 2021 membenarkan penyumbangan luar sertai kemudahan kesihatan swasta oleh ker-

jaan, kata beliau.

Selaras dengan penyumbangan luar itu, konsep hospital kluster antara hospital di bawah KKM akan diperluas merangkumi hospital awam lain seperti hospital universiti, hospital angkatan tentera dan hospital swasta yang akan digunakan untuk merawat pesakit COVID-19.

"Hospital swasta akan diletakkan di bawah pengope-

rasi Hospital Kluster dengan sektor awam di bawah Pusat Kawalan COVID-19 Bersepadu, katanya dalam perutusan khas yang disiarkan secara langsung di televisyen utama serta platform media sosial baru-baru ini.

"KKM juga bekerjasama dengan 31 hospital swasta untuk menyumbang rawatan sebahagian daripada pesakit bukan COVID-19 ke hospital swasta ini bagi tujuan mengurangkan tekanan pada hospital kerajaan yang diperlengkapkan untuk merawat pesakit COVID-19 dengan peruntukan RM27 juta disediakan KKM bagi tujuan ini pada tahun ini," katanya

Bagi pengurusan dan rawatan pesakit COVID-19 di hospital swasta, KKM juga telah mendapat kerjasama daripada hospital swasta di seluruh negara dan setakat 3 Feb pihak hospital swasta bercadang menyediakan 1,344 katil di wad biasa dan 65 katil di wad unit rawatan rapi (ICU).

"Selain itu, kemudahan makmal kerajaan dan swasta juga sedang digembangkan untuk meningkatkan kapasiti pelaksanaan ujian saringan COVID-19.

"Sebanyak 68 makmal kerajaan dan swasta di negara ini mempunyai kapasiti untuk melaksanakan 76,805 ujian saringan setiap hari," kata perdana menteri.

Melalui ordinan darurat itu, kerajaan juga akan mula mengambil alih kemudahan bagi tujuan menambah pusat saringan COVID-19 serta pusat kuarantin dan bagi aktiviti penyumbang rawatan dan pengambilan ini suatu bentuk pampasan akan diberikan kepada pemilik premis berdasarkan naziran penilaian oleh pihak kerajaan.

Sementara itu, sebanyak 16 kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan kem Wawasan telah diambil alih sementara dan digunakan sebagai pusat tahanan dan kuarantin sementara pendatang asing tanpa izin dan penjara sementara sebagai tinjakan serta-merta mengurangkan kesesakan di depoh tahanan imigresen dan penjara.

Muhyiddin berkata bagi meningkatkan keupayaan tinjakan penguatkuasaan kerajaan, arahan dikeluarkan untuk menurunkan kuasa polis kepada Angkatan Tentera Malaysia bagi membuat pengangkapan, pemeriksaan dan



MUHYIDDIN

rampasan sewaktu operasi pencegahan pendatang asing tanpa izin dan pencegahan COVID-19.

"Saya juga telah mengarahkan anggota RELA yang berjumlah lebih tiga juta orang di seluruh negara untuk membantu tugas pengawas kuasaan prosedur operasi standard (SOP) di premis perniagaan dan tempat awam.

"Selain itu, kerajaan juga akan melaksanakan Program Pemerksaan Komuniti melibatkan pemimpin masyarakat setempat dalam kumpulan pencegahan COVID-19 di peringkat komuniti," katanya. -BERNAMA



PENGGUNAAN kemudahan hospital, klinik, makmal, kepakaran, perkhidmatan dan sumber manusia swasta oleh kerajaan telah bermula bagi meringankan beban yang ditanggung oleh KKM dalam memerangi pandemik COVID-19. Gambar Fail

Melaka tawar khidmat nasihat, rundingan syariah percuma

Mohamad Fazrul Abdul Majid

SERI NEGERI - Kerajaan Melaka dengan kerjasama Persatuan Peguam Syarie Malaysia Cawangan Negeri Melaka (PGSM Melaka) mengambil inisiatif menyediakan program khidmat nasihat dan rundingan syariah secara percuma kepada orang ramai bermula sekarang hingga 31 Disember depan.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata, program itu diwujudkan bagi membantu orang ramai khususnya pasangan Islam di negeri ini mendapatkan pandangan yang profesional berkaitan isu-isu kekeluargaan mengikut

"Antara khidmat nasihat dan rundingan syariah yang ditawarkan adalah seperti permohonan perceraian secara baik, fasakh, taklik dan tebus talak serta tuntutan nafkah iddah, mutaah, nafkah isteri dan tunggakan nafkah isteri."

hukum syarak dan Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Melaka.

Jelasnya, orang ramai boleh mendapatkan hidmat nasihat dan rundingan yang disediakan melalui aplikasi WhatsApp, panggilan te-

lefon atau bersemuka melalui janji temu kepada seramai 33 orang ahli Peguam Syarie Melaka yang berdaftar di bawah PGSM Melaka.

"Program tersebut yang berakhir pada 31 Disember 2021 dilaksanakan atas tujuan murni untuk membantu orang ramai terutama yang tinggal di negeri ini yang berkecimpungan mempunyai masalah dan konflik rumah tangga, khususnya sepanjang PKP 2.0 yang telah dilanjutkan sehingga 18 Februari 2021 dalam usaha membendung penularan wabak COVID-19.

"Dalam hal ini, kerajaan negeri mengalau-alukan kerjasama dengan pelbagai pihak seperti PGSM Melaka dan mengucapkan terima kasih atas inisiatif yang disediakan secara per-

cuma kepada orang ramai yang memerlukan," katanya dalam satu kenyataan pada 3 Februari lepas.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata, antara khidmat nasihat dan rundingan syariah yang ditawarkan adalah seperti permohonan perceraian secara baik, fasakh, taklik dan tebus talak serta tuntutan nafkah iddah, mutaah, nafkah isteri dan tunggakan nafkah isteri.

"Selain itu, orang ramai juga boleh mendapatkan khidmat nasihat dan rundingan syariah berkaitan hak



SULAIMAN

"Diharapkan kerjasama yang terjalin dengan PGSM Melaka melalui Pengurusnya Datuk Mohd Adli Ithnin dapat membantu kerajaan negeri dalam menangani masalah institusi kekeluargaan Islam di negeri ini secara lebih berkesan," katanya lagi.

WAKTU SOLAT					
SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
8 FEBRUARI 2021	6.15 am	7.25 am	1.28 pm	4.48 pm	7.28 pm
9 FEBRUARI 2021	6.15 am	7.25 am	1.28 pm	4.48 pm	7.28 pm
10 FEBRUARI 2021	6.15 am	7.25 am	1.28 pm	4.47 pm	7.28 pm
11 FEBRUARI 2021	6.15 am	7.25 am	1.28 pm	4.47 pm	7.28 pm
12 FEBRUARI 2021	6.15 am	7.25 am	1.28 pm	4.47 pm	7.28 pm
13 FEBRUARI 2021	6.15 am	7.25 am	1.28 pm	4.47 pm	7.28 pm
14 FEBRUARI 2021	6.15 am	7.24 am	1.28 pm	4.46 pm	7.28 pm
					8.38 pm



Farah Suhaidah Othman

Rindu yang tidak berpenghujung...

BATU BERENDAM – Berita kematian seorang kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun, Zubaidi Amir Qusyairi Abd Malek pada 29 Januari lepas dipercayai didera ibu kandung dan bapa tirinya meruntun hati seluruh rakyat Malaysia terutama keluarga angkat Allahyarham.

Kematian tragis itu mendapat perhatian ramai selepas kisah perpisahan Zubaidi Amir bersama keluarga angkatnya yang dirakam menerusi video berdurasi 3:34 minit pernah tular di laman Facebook dan beberapa portal berita turut berkongsi kisah perpisahan itu pada Oktober tahun lalu.

Menceritakan semula mengenai kisah perpisahan itu, ibu angkat Zubaidi Amir, Norlida Abu Hassan, 50 berkata dia sebagai ibu kepada lima cahaya mata memahami naluri ibu yang merindukan anak terpaksa merelakan kepergian anak angkatnya kembali ke pangkuan keluarga kandung meskipun enam tahun membela kanak-kanak itu sejak dilahirkan.

Bagaimanapun katanya, dia menitipkan rasa terkilan kerana tidak mempertahankan kanak-kanak itu ketika ibu kandungnya mengambil semula Zubaidi Amir berikutnya tiada perjanjian ditetapkan ketika mengambil kanak-kanak itu sebagai anak angkat.

Berkongsi rasa ketika detik terakhir bertemu pada awal November tahun lalu, Norlida berkata bapa tiri Allahyarham yang bekerja sebagai pemandu lori membawa Amir

"Saya rasa menyelal tak pertahankan dia dan tidak patut saya serahkan Amir jika ini pengakhiran hidupnya," katanya ketika ditemui di Taman Jati, di sini, baru-baru ini.

Norlida berkata, dia sekeluarga amat terkejut selepas dihubungi jiran ibu kandung mangsa dari Krubong pada jam lapan malam 29 Januari lepas dan berkongsi berita sedih itu selepas mengetahui video tular

Katanya, dia anak-beranak hanya mampu meraung kesedihan kerana tidak menyangka kematian tragis mengakhiri hidup anak angkatnya yang 'ditatang bagai minyak penuh' sebelum bergegas ke Melaka.

"Sebagai ibu saya faham apabila ibu kandung Amir selalu mengatakan kerinduannya pada anak. Namun saya terpaksa reda melepaskannya memandangkan ketika diminta menjaganya oleh ibu kandung, tiada perjanjian hitam putih dibuat antara kami."

"Malah, ketika menyerahkan semula Amir, saya terpaksa akur kerana tak mahu bergaduh dengan ibunya," katanya.

Berkongsi rasa ketika detik terakhir bertemu pada awal November tahun lalu, Norlida berkata bapa tiri Allahyarham yang bekerja sebagai pemandu lori membawa Amir

berjumpanya di kedai makan di Rawang tanpa pengetahuan ibunya.

"Hampir satu jam kami menghabiskan masa, malah sempat bergambar bersama dan saya sempat bertanya arwah hendak duduk dengan siapa namun dia (Amir) hanya diam.

"Dia tak bercakap tetapi saya bertanya, 'Adik rindu Umi tak?' dia menjawab 'Adik rindu Umi, Amir rindu abah, kakak dan abang tapi Amir tak boleh. Amir terpaksa ikut mama (panggilan kepada ibu kandungnya).

"Melalui nada suaranya, saya tahu dia sakit rindukan saya, sakit sangat!" katanya sebak.

Sementara itu, Norlida dalam pertemuannya bersama pemberita tidak henti-henti menceritakan mengenai kecederaan kanak-kanak itu, malah menyifatkan kehadiran Zubaidi Amir penyeri dalam kehidupannya sekeluarga.

"Arwah seorang yang sangat cerdik, dia tak pernah merengek dan tak pernah meminta, malah saya tidak pernah merasa beban membesarannya dan kami sekeluarga menganggap dia anak bongsu dalam keluarga.

"Kakak (anak perempuannya) ajar Surah Al-Mulk, dia hafal sampai habis," katanya.

Tinjauan Melaka Hari Ini (MHI) ketika membuat liputan mengenai kematian kanak-kanak itu di Jabatan Perubatan Forensik, Hospital Melaka sejak 30 Januari sehingga 1 Februari lalu mendapati Norlida tidak lepas memeluk bantal 'busuk' milik Zubaidi Amir dan sesekali dilihat mencium barang peninggalan Allahyarham bagi melepaskan kerinduan.

Kata Norlida, bantal itu sahaja peninggalan Allahyarham buat penawar rindunya sejak kanak-kanak itu meninggalkan keluarganya Oktober tahun lalu.

Membahasakan dirinya 'Umi', Norlida kelihatan tenang menanti perkembangan lanjut proses bedah siasat kanak-kanak itu yang dijalankan pada 31 Januari lepas.

Jenazah Zubaidi Amir selamat dikebumikan di Tahan Perkuburan Islam Padang Lebar, Simpang Bekoh, Jasin pada 1 Februari lalu, selepas dimandikan dan disembahyangkan di Madrasah As-Syakirin, Simpang Bekoh, Jasin.

Usaha pemberita untuk mendapatkan reaksi keluarga kandung bagaimanapun tidak berhasil apabila nenek dan pakcik saudara Allahyarham enggan ditemuramah dan mohon keluarganya diberi ruang selepas kes ini mendapat liputan meluas termasuk di media sosial.



NORLIDA tidak lekang mencium bantal busuk kepunyaan Allahyarham Zubaidi Amir yang mati didera dipercayai oleh ibu kandung dan bapa tirinya. Foto: MR. Azli

KRONOLOGI KES KEMATIAN ZUBAIDI AMIR QUSYAIRI

29 Januari (Jumaat)

4.20 pm

- Bapa tiri mangsa membuat laporan polis mendakwa anak tirinya mati lemas
- Hasil pemeriksaan fizikal polis menemui beberapa kesan kecederaan

• Ibu kandung dan bapa tiri mangsa ditahan polis untuk siasatan lanjut

- Mayat mangsa dihantar Jabatan Forensik, Hospital Melaka

8.00 pm

- Pemberita mula mendapat maklumat mengenai kes berkenaan
- Video viral perpisahan mangsa bersama keluarga kandung pada Oktober 2020 tular

10.42 pm

- Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Melaka memberi maklumat kepada pemberita

30 Januari (Sabtu)

9.30 am

- Pasangan suami isteri iaitu ibu kandung dan bapa tiri mangsa direman sehingga 5 Februari untuk siasatan lanjut

11.00 am

- Keluarga kandung memohon pihak Masjid Al-Hidayah, Chabau dan Madrasah As-Syakirin, Simpang Bekoh menggalikubur Allahyarham di Tanah Perkuburan Islam, Padang Lebar, Simpang Bekoh

1.00 pm

- Keluarga kandung dan keluarga angkat kanak-kanak dipanggil ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Melaka Tengah untuk rakam

31 Januari (Ahad)

8.00 am

- Ibu kandung dan bapa tiri hadir ke Jabatan Perubatan Forensik, Hospital Melaka bagi proses pengecaman

9.00 am

- Keluarga angkat mangsa turut dipanggil untuk proses pengecaman

11.00 am

- Bedah siasat mangsa mula dijalankan

1 Februari (Isnin)

9.00 am

- Pakcik saudara mangsa menuntut jenazah mangsa

10.05 am

- Van jenazah Masjid Al-Hidayah keluar dari Jabatan Perubatan Forensik, Hospital Melaka membawa jenazah Allahyarham ke Madrasah As-Syakirin, Simpang Bekoh

11.00 am

- Jenazah tiba di Madrasah As-Syakirin untuk disolatkan dan disembahyangkan diimamkan sendiri oleh abang kedua Allahyarham

12.15 pm

- Jenazah dibawa ke Tanah Perkuburan Islam Padang Lebar, Simpang Bekoh

12.40 pm

- Jenazah selamat dikebumikan mengikut SOP PKP dengan dihadiri waris dan keluarga angkat mangsa

2 Februari (Selasa)

1.00 pm

- Polis sedang melengkapkan kertas siasatan sebelum dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya

5 Februari (Jumaat)

9.00 am

- Pasangan suami isteri disambung reman bagi membolehkan polis melengkapkan kertas siasatan sebelum dirujuk ke Timbalan Pendakwa Raya untuk pendakwaan

Luka baharu tiga sentimeter di belakang kepala - Polis

BUKIT BARU – Terdapat kesan luka baharu sepanjang tiga sentimeter di bahagian kepala kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun yang ditemukan maut dipercayai ibu kandung dan bapa tirinya 29 Januari lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Melaka, Asisten Komisioner Mohd Sukri Kamaran berkata, itu antara pemerluan hasil bedah siasat ke atas mangsa yang berlangsung kira-kira 11 jam di Jabatan Perubatan Forensik, Hospital Melaka pada 30 Januari lalu.

Beliau bagaimanapun berkata, kecederaan itu belum dapat ditentukan sebagai punca sebenar kematian berikutnya pakar forensik memerlukan keputusan laporan kimia bagi mengesahkannya.

"Selain luka sepanjang tiga sentimeter berkenaan, bedah siasat turut menemukan kecederaan baharu dan lama di beberapa bahagian badan terutama di belakang tubuh mangsa.

"Kita tidak menolak kecederaan itu akibat (hentakan) objek tumpul namun kita akan menyiasat sama ada kecederaan itu disebabkan mangsa sendiri jatuh atau disebabkan kelakuhan mana-mana individu," katanya kepada pemberita selepas proses bedah siasat di Jabatan Perubatan Forensik, Hospital Melaka baru-baru ini.

Mengulas lanjut beliau berkata, pakar forensik turut mengambil spesimen organ dalam mangsa termasuk hati, paru-paru dan jantung untuk dihantar ke Jabatan Kimia bagi mendapatkan laporan makmal.

"Apa punca sebenar (kematian) itu kita kena tunggu laporan makmal siap sepenuhnya," katanya.

Mengulas lanjut, Mohd Sukri berkata, pihaknya bagaimanapun tidak boleh mendedahkan sebarang hasil soal siasat terhadap kedua-dua suspek berikut ia akan mengganggu siasatan.

"Setakat ini kita masih dalam proses lengkapkan siasatan sebelum kita serah ke-



MOHD SUKRI

pada Timbalan Pendakwa Raya bagi tuduhan atau sebaliknya.

"Polis juga menunggu laporan kimia spesimen yang diambil pihak hospital semasa bedah siasat bagi mengetahui punca sebenar kematian kanak-kanak itu," katanya.

Dalam kejadian pada 29 Januari lepas, Zubaidi Amir Qusyairi Abd Malek didakwa mati lemas dalam tong berketinggian 60.9 sentimeter dalam rumah berkenaan, namun siasatan awal polis menemui beberapa kecederaan dipercayai akibat didera.



NURIN Jazlin Jazimin, 8

Apa dosa mereka?

Mohamad Fazrul Abdul Majid

KISAH tragis Zubaidi Amir Qusyairi Abdul Malek yang maut dipercayai didera ibu kandung dan bapa tirinya di sebuah rumah di Taman Krubong Jaya pada 29 Januari lepas menggemparkan negara selepas mangsa ditemukan lemas dalam tong air di rumah berkenaan dengan terdapat beberapa kesan kecederaan di beberapa bahagian badan, merupakan antara sejumlah kes dera kanak-kanak sejak beberapa tahun ini.

Antara kes tersebut ialah:

Nurin Jazlin Jazimin, 8. - Hilang pada 20 Ogos 2007 selepas keluar ke pasar malam berhampiran rumahnya di Seksyen 1, Wangsa Maju. Mayatnya yang tidak berbau dipercayai mangsa deraan seks, ditemui dalam beg yang ditinggalkan di tangga premis perniagaan tiga tingkat di Jalan PJS 1, Taman Petaling Utama, Petaling Jaya pada 17 September 2007. Mangsa dibunuh 24 jam sebelum mayatnya ditemui.

Nurul Natasya Abdullah, 4. - Seorang kanak-kanak perempuan empat tahun meninggal dunia di Hospital Pontian, Johor, jam 1.30 petang pada 6 September 2017 dipercayai akibat didera ibu dan teman lelakinya.

Pemeriksaan awal dari pihak hospital mendapati ada kesan lebam di badan dan kedua belah mata mangsa dikenali Nurul Natasya Abdullah itu.

Siasatan awal mendapati mangsa di bawah jagaan ibunya yang berusia 22 tahun yang tinggal bersama kekasih berusia 26 tahun di bi-luk sewa mereka di Taman Juta, Pontian.

Mohamad Rayyan Hidayat Hairil Khan, 6. - Dipukul dengan objek tumpul sehingga patah tulang rusuk dan pecah usus, itu penderitaan yang ditanggung kanak-kanak 6 tahun, Mohamad Rayyan Hidayat Hairil Khan, sehingga menemui ajal akibat disyaki didera oleh teman lelaki ibunya.

Perbuatan tidak berperikemanusiaan itu terbongkar selepas pakar patologi di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar menjalankan bedah siasat ke atas jenazah kanak-kanak malang itu, pada 19 April 2018.

Muhammad Hafiz Abdullah, 5. - Mangsa disahkan meninggal dunia dipercayai didera bapa tirinya ketika dirawat di Klinik Kesihatan Padang Rumbia, Pekan pada 20 Februari 2019.

Pemeriksaan awal oleh doktor mendapati ada kesan cedera disyaki akibat penderaan iaitu kesan lebam baru di dada, kesan cucuh api rokok di tapak kaki, bibir pecah, lebam mata kanan serta luka-luka kecil baru di bahagian kening kanan.

Ibu kandung mangsa yang berusia 25 tahun dan bapa tirinya yang berusia 54 tahun ditahan bagi membantu siasatan yang dijalankan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.

"Tolong jaga tepi kain jiran" - Latipah

SERI NEGERI - Masyarakat di negeri ini diminta lebih peka dan mengambil tahu apa berlaku di kejiranannya mereka bagi mengelakkan berlakunya kes seperti penderaan kanak-kanak mahupun keganasan rumah tangga sepanjang musim pandemik COVID-19.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan negeri, Datuk Wira Latipah Omar berkata, sikap 'menjaga tepi kain orang lain' untuk tujuan positif perlu diterapkan semula.

Katanya, ia susulan berlakunya banyak kes membabitkan keganasan rumah tangga dan penderaan kanak-kanak di negera ini, termasuk kematian Zubaidi Amir Qusyairi Abdul Malek, 7, yang dipercayai akibat didera di kediamannya di Taman Krubong Jaya, baru-baru ini.

Masyarakat katanya, perlu menjadi 'mata dan telinga' pada setiap masa dan segera melaporkan kepada pihak berkuasa untuk mengambil tindakan terhadap sebarang salah laku membabitkan keganasan dan penderaan di kawasan kejiranannya masing-masing.

"Saya menyarankan semua masyarakat mengambil kisah atau bahasa mudahnya jaga tepi kain jiran tetangga sekiranya berlaku sebarang kes penderaan atau keganasan tidak kiralah membabitkan kanak-kanak, wanita mahupun orang tua.

"Bila kita ambil tahu, bukanlah bermaksud kita mahu



LATIPAH

menyibuk hal orang lain, tetapi sekurang-kurangnya kita dapat mengelak daripada berulangnya kes seperti yang terjadi kepada Allahyarham Amir, baru-baru ini.

"Jika kita dapat ada berlaku kejadian seumpamanya, kalau perlu tegur, mainkanlah peranan untuk menegur. Namun, jika teguran itu tidak berhasil segeralah menghubungi Talian Kasih 15999 atau lebih mudah menghubungi pihak polis," katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).

Jumaat lalu, MHI melaporkan kisah tragis membabitkan kematian kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun yang

didakwa lemas, namun siasatan awal pihak polis menemui kecederaan fizikal pada badan mangsa disyaki akibat didera.

Sehubungan itu, ibu kandung dan bapa tirinya kanak-kanak malang itu yang masing-masing berusia 32 dan 38 tahun telah direman selama tujuh hari bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.

Mengulas lanjut kes berkenaan, Latipah bagaimanapun meminta orang ramai agar tidak cepat menjatuh hukum atau membuka aib ibu kandung mangsa serta keluarganya seperti yang sedang rancak dilakukan warga maya sejak akhir-akhir ini.

Katanya, tindakan seperti itu bukan sahaja memberi gangguan emosi kepada keluarga suspek bahkan boleh mengganggu siasatan pihak polis.

"Masyarakat tidak perlu tambah perasa dengan menghentam dan mencemuh keluarga suspek kerana kita sendiri tidak tahu bagaimana kejadian itu berlaku.

"Janganlah cepat jatuh hukum dan biarlah pihak berkuasa siasat dan tentukan sama ada mereka benar-benar ber salah atau sebaliknya," katanya lagi.

Tekanan punca kes dera

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Masalah mental, kewangan dan dadah antara faktor utama berlaku penderaan terhadap kanak-kanak di Malaysia.

Konsultan Psikiatri Mahkota Medical Centre (MMC), Dr. David Yeoh Boon Beng berkata, tiga faktor itu penyumbang kepada kes penderaan fizikal, emosi, seksual dan pengabaian kanak-kanak.

"Semua faktor ini menjadikan ibu bapa mengambil jalan mudah melepaskan tekanan mereka kepada anak-anak.

"Contohnya, jika ada masalah kewangan ibu bapa akan mengabaikan anak mereka dengan tidak memberi makan dan minum, pakaian yang tidak cukup dan banyak lagi.

"Selain itu kalau ibu bapa ada konflik mereka akan lepaskan pada anak-anak, kes macam ini kita kerap jumpa yang

mana mereka (ibu bapa) mengambil mudah tanpa memikirkan emosi anak selepas itu," katanya ketika ditemubual Melaka Hari Ini mengenai kes penderaan kanak-kanak menerusi aplikasi Zoom, baru-baru ini.

Jelasnya, bila berlaku kes penderaan kanak-kanak, ibu bapa seharusnya mendapatkan rawatan dengan memulakan langkah pencegahan.

"Saya cadangkan ibu bapa ambil langkah pencegahan dengan menjaga mental dan fizikal kita.

"Paling utama kita perlu kurangkan tekanan, lakukan dan rancang aktiviti yang bagus untuk keluarga sama ada beriadah atau meluangkan masa bersama," katanya.

Menurutnya, pendidikan mengenai kesedaran juga perlu diperluaskan supaya dapat membantu masyarakat di luar menghindari kes penderaan kanak-kanak.



DR. DAVID

"Ini kerana kita tahu kes penderaan kanak-kanak masih berterusan hingga hari ini, tapi masih ramai yang ambil mudah dan tidak membuat aduan kepada pihak berkuasa."

"Guru-guru juga perlu mainkan peranan mendidik anak-anak murid mereka dengan memberikan informasi mengenai kes penderaan kanak-kanak ini," tambahnya.

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Kes kematian Allahyarham Zubaidi Amir Quisyairi Abd Malek, 7, ternyata menggemparkan seluruh negara apatah lagi apabila ia dikaitkan dengan kes penderaan yang disyaki dilakukan ibu kandung dan bapa tirinya.

Berita itu bukan sahaja membuatkan rakyat di seluruh negara menangisi pemergian kanak-kanak malang itu, bahkan ia turut menarik perhatian orang-orang kenamaan.

Antara yang menzahirkan rasa sedih ialah isteri Tunku Mahkota Johor (TMJ), Che' Puan Khaleeda Bustamam yang berkongsi berita berkenaan di laman sosialnya.

Che' Puan Khaleeda menganggap berita tersebut sebagai sesuatu yang mengejutkan apatah lagi tatkala negara kini terkesan dengan penularan pandemik COVID-19.

Beliau berkata, masyarakat seharusnya memainkan peranan proaktif terhadap segala permasalahan yang berlaku di sekeliling mereka dalam usaha membendung kejadian seumpama berulang di masa akan datang.

"Penderaan fizikal mahupun pengabaian atau penderaan sekual bukan sahaja mengakibatkan kcederaan terhadap kanak-kanak malah menjelaskan emosi dan psikologi golongan itu.

"Justeru itu saya merayu masyarakat agar lebih proaktif dan bersikap ambil peduli dengan masalah yang berlaku di sekeliling kita.

"Ambil peduli dan bertindak dengan segera sebelum terlambat. Ini merupakan tanggungjawab sosial dan moral setiap individu," katanya seperti dipetik menerusi laman Instagram perbadinya, baru-baru ini.

Turut sama menangisi kematian tersebut ialah Menteri

Pemergian Amir ditangisi



RINA (tengah) kelihatan sebak ketika mendengar luahan ibu angkat Allahyarham Amir di sebuah inap desa di Sungai Putat, baru-baru ini.

Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Rina Mohd Harun yang sempat menziarahi keluarga angkat Allahyarham Amir di sebuah inap desa di Sungai Putat, baru-baru ini.

Rina berkata, kejadian tersebut telah membuka ruang kepada pihak kementerian untuk menambah 377 pegawai perlindungan kanak-kanak dan pegawai akhlak yang dalam usaha membendung kes berkaitan penderaan kanak-kanak.

"Peranan pegawai ini bukan sahaja mengambil aduan, tetapi dia kena melihat secara keseluruhan, sebab itu kita perlukan penambahan sebagai contoh kalau kita ada anak yang mungkin ada isu dan sebagainya.

"Dia kena menyiasat keselu-

ruhan mungkin dari segi persekitaran, dari segi kekeluargaan, sokongan dan sebagainya dia perlu dilihat secara itu. Sebab kita menyelesaikan masalah kanak-kanak ini dia bukan hanya masalah yang ada di depan mata sahaja tetapi perlu dilihat secara holistik," katanya.

Sementara itu, perasaan hiba turut dikongsikan Ketua Pergerakan Wanita UMNO Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

Noraini yang juga Menteri Pengajian Tinggi mendesak pihak berwajib untuk mengambil tindakan tegas dan menghadapkan pelaku ke muka pengadilan bagi memberi pengajaran kepada orang ramai.

"Selain daripada itu, Wanita UMNO juga berharap agar kera-

jaan dan pihak yang berkaitan melihat tahap kesihatan mental orang ramai yang sedikit sebanyak terkesan akibat daripada pandemik COVID-19.

"Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), kes penderaan kanak-kanan yang melibatkan ibu bapa mencatatkan peningkatan sehingga 20 peratus sewaktu tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula sejak Mac tahun lalu.

"Ia menunjukkan tahap mental orang ramai yang semakin terganggu sehingga sanggup melakukan perkara-perkara yang tidak sepatutnya terhadap kanak-kanak. Marilah kita bersama-sama menggembungkan tenaga agar perkara seperti ini dapat diatasi," katanya.

Berpada-pada hukum anak

Faiz Hasan

AYER KEROH -

Kes kanak-kanak malang berusia tujuh tahun yang ditemui maut dipercaya didera di sebuah rumah di Taman Krubong Jaya baru-baru ini telah menimbulkan pelbagai reaksi di kalangan orang ramai terutamanya buat golongan ibu bapa amnya.

Rata-rata mereka menyifatkan ia sebagai tragedi kejam sekiranya benar kanak-kanak itu didera.

Bagi Noorazura Durani, 36, berpendapat sebagai ibu bapa dan penjaga, sewajarnya perlu berpada-pada jika mahu menghukum anak walaupun dengan apa cara sekalipun.

Katanya, amat penting untuk golongan ibu bapa mengawal emosi dalam memastikan sebarang tindakan di luar kawalan tidak akan berlaku.

"Apabila anak-anak semakin membesar, sudah tentu sikap mereka turut akan berubah namun kita sebagai ibu bapa perlu gigih memberi didikan sebaiknya tanpa sebarang tindakan emosi di luar kawalan.

"Jika mahu merotan pun, perlulah di tempat yang bersesuaian seperti tapak tangan dan janganlah melibatkan di kawasan sensitif yang mungkin boleh merosakkan bahagian dalam ba dan kanak-kanak," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Sementara itu, M. Kalai Chelvan, 56, menyifatkan kes yang menggemparkan negara itu perlu diadili dengan sebaiknya bagi memastikan masyarakat umum mengambil pengajaran agar tidak melakukan perbuatan dera dalam kalangan kanak-kanak.

"Saya cukup kesal apabila terdengar berita yang menyayat hati ini dari kejiran yang berdekatan dengan rumah saya dan tragedi yang menggemparkan ini juga telah melahirkan pelbagai reaksi dari seluruh rakyat di negara ini," tegasnya.

Mimie Abu Bakar, 40, pula berpendapat masyarakat di negeri ini sendiri perlu peka dengan perkara yang berlaku di sekeliling bagi mengelakkan perkara sebegini tidak akan berulang pada masa akan datang.

"Dalam kehidupan bermasyarakat kita perlu berganding bahu dan peka dengan setiap keadaan yang berlaku di kawasan penempatan sendiri malah sekiranya dalam kesusahan nanti jiran tetanggalah yang akan membantu kita kerana mereka adalah orang yang paling dekat dengan kehidupan kita," katanya.

Liputan berita kes Allahyarham Zubaidi Amir Lebih satu juta tonton Melaka Hari Ini

AYER KEROH - Kes kematian membabitkan kanak-kanak berusia 7 tahun, Zubaidi Amir Quisyairi Abd Malek yang disyaki didera di Taman Krubong Jaya, menjadi berita yang paling mendapat perhatian rakyat seluruh negara, sejak akhir-akhir ini.

Selaku antara agensi media terawal melapor kes berkenaan, Melaka Hari Ini (MHI) turut menerima tempiasnya apabila segala berita dan video yang dimuat naik berkenaan kes itu menerima jumlah trafik yang tinggi.

Paling mendapat perhatian ialah rakaman siaran langsung pengebumian jenazah Amir di Tanah Perkuburan Islam Padang Lebar Simpang Bekoh Jasin pada 1 Februari lepas yang menerima tontonan seramai 1.1 juta pelayar, setakat 4 Februari 2020.

Malah, jumlah tersebut turut mengatasi jumlah tontonan daripada agensi media arus perdana lain di negara ini seperti Malaysia Gazette yang menerima sekitar 711,000 tontonan.

Bagi laman YouTube rasmi MHI iaitu Melaka TV yang berkongsi perkembangan lanjut kes berkenaan dalam bentuk video telah menerima pertambahan lebih 3,000 'subscriber' baru.

Untuk rekod, video bertajuk 'Maut Disyaki

Didera, Ibu Angkat Amir Menyesal' menerima jumlah tontonan tertinggi di YouTube MHI apabila disaksikan seramai 330,190 tontonan sejak 4 Februari.

Malah, video tersebut turut menerima hampir 1,000 komen daripada penonton seluruh negara yang berkongsi rasa hiba dan sedih di atas kematian tragis kanak-kanak malang itu.

Selain itu, video bertajuk 'Umi Tahu Adik Tunggu Umi Datang.' dan 'Wajah Tenang Amir Ubat Duka Umi' turut merekodkan lebih 100,000 tontonan apabila masing-masing menerima 133,603 dan 113,251 tontonan di YouTube sejak ia disiarkan beberapa hari lalu.

Tidak terhenti di situ, laman Facebook MHI turut menjadi perhatian segenap lapisan masyarakat menerusi perkongsian pautan berita secara dalam talian dan video yang menerima capaian tertinggi.


Video pertama mengenai kes berkenaan dengan tajuk 'Syurga buatmu adik Zubaidi Amir Qusyairi Abdul Malek. Al Fatihah' telah merekodkan sebanyak hampir 36,000 tontonan berserta lebih 600 reaksi sejak ia dimuat naik pada Sabtu, 30 Februari di laman Facebook rasmi MHI.

Apa yang pasti, reaksi yang pelbagai dapat

anda saksikan sepanjang MHI melaporkan kisah tragis itu.

Ada yang sedih dan kecewa, malah tidak kurang ada yang menghamburkan kemarahan.

Diharapkan kisah ini dapat membuka mata masyarakat agar lebih cakna dengan masalah yang berlaku di sekeliling bagi mengelakkan berulangnya tragedi hitam seumpamanya di masa akan datang.



RAKAMAN siaran langsung MHI pada hari pengebumian jenazah Amir di Tanah Perkuburan Islam Padang Lebar Simpang Bekoh Jasin pada 1 Februari lepas menerima tontonan seramai 1.1 juta pelayar, setakat 4 Februari lepas.

Melaka Hari Ini was live

1 February at 10:34 ·

LANGSUNG: Suasana Pengebumian Kanak-kanak Maut Disyaki Didera, Allahyarham Zubaidi Amir di Tanah Per...

See more

31K

11K comments 1.1M views

Like Comment Share

Comments

Hide

Syarikat elektronik Jerman buka kilang di Melaka

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH – Syarikat elektronik terkemuka dunia yang berpangkalan di Owen, Jerman, Leuze memperluaskan operasinya bagi memenuhi permintaan pasaran Asia dengan membina kilang baru di Melaka.

Kilang berkenaan yang kini dalam pembinaan dijangka siap pada suku pertama 2022 dan beroperasi sebagai Leuze electronic assembly Malaysia Sdn. Bhd iaitu anak syarikat milik penuh Leuze electronic GmbH + Co. KG.

Dijangkakan apabila beroperasi kelak, kilang itu bakal membuka kira-kira 200 peluang pekerjaan buat rakyat negeri ini.

Menurut wakil Presiden Leuze Asia, Matthias Höhl, pemilikan Melaka adalah bertepatan dalam usaha syarikat untuk memenuhi permintaan tinggi di pasaran Asia.

Katanya, bagi menembusi pasaran Asia Tenggara pihaknya sudah membuka kilang di China pada 2006 dan Singapura pada



MATTHIAS Höhl

2015. “Pembinaan kilang baharu di Malaysia adalah bertepatan dengan strategi pertumbuhan global syarikat ini.

“Asia adalah pasaran yang berkembang pesat dalam bidang elektronik dan menjanjikan potensi yang boleh dikembangkan lagi seperti contoh dalam bidang makmal automasi, salah satu industri tumpuan kami,” katanya seperti diperlakukan portal evertiq.com

Kilang itu sedang dibina di kawasan tapak seluas lebih 17,000 meter persegi yang mana untuk fasa pertama, kira-kira 4,500 meter persegi akan disiapkan untuk operasi logistik manakala 1,000 meter persegi lagi untuk bangunan pentadbiran.

Dalam pada itu Ketua Pegawai Operasi Kumpulan, Leuze Jochen Wimmer menyifatkan pembinaan kilang di beberapa negara di Asia antara strategi terbaik buat syarikat dalam meningkatkan pengeluaran sepanjang pasca pandemik COVID-19.



Ilustrasi kilang Leuze yang akan beroperasi di Melaka nanti. Foto: evertiq.com

Kilang elektronik Jerman Lebih 200 peluang pekerjaan akan dibuka

SERI NEGERI – Syarikat elektronik terkemuka dunia, Leuze memilih Melaka sebagai lokasi baharu pembinaan kilang sensornya dalam usaha mengembangkan operasi dan memenuhi permintaan di rantau Asia.

Timbalan Pengurus Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) Datuk Roslan Ahmad berkata, kilang tersebut bakal dibangunkan di tanah seluas 1.62 hektar di Pusat Industri Pintar (SIC) Bukit Rambai dengan nilai pelaburan keseluruhan RM250 juta dan dijangka beroperasi pada Mac 2022.

Kilang itu juga jelasnya, akan membuka lebih 200 peluang pekerjaan untuk rakyat negeri ini.

“Difahamkan fasa pertama kilang ini akan membabitkan sektor pentadbiran dan logistik terlebih dahulu yang mana ia dijangka siap pada suku pertama 2022.

“Sebarang maklumat lanjut berhubung pembukaan dan permohonan pekerjaan untuk kilang ini akan dimaklumkan dari semasa ke

semasa oleh pihak Invest Melaka,” katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).

Dalam pada itu, mengulas mengenai pencapaian pelaburan Negeri Melaka sepanjang 2020, Roslan memaklumkan negeri ini masih lagi menjadi pilihan pelabur dalam dan luar negara apabila merekodkan nilai pelaburan RM1.2 bilion yang diluluskan dalam tempoh Januari hingga September tahun lalu.

Beliau yang juga Pengurus Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam & Infrastruktur negeri berkata, pelaburan itu membabitkan sembilan projek baharu dan 23 daripadanya adalah projek pembesaran (extension).

“Daripada nilai tersebut, RM617 juta adalah pelaburan tempatan, manakala bakinya sekitar RM583 juta merupakan pelaburan asing.

“Pelaburan itu juga membuka 1,112 peluang pekerjaan di seluruh negeri yang merangkumi 13 jenis industri yang pelbagai,” katanya.



ROSLAN

KEDAI CUCI KERETA

DIBENARKAN BEROPERASI DENGAN SOP YANG KETAT

- Pasar Malam 4.00 petang - 10.00 malam
- Kedai gunting rambut / salon (gunting rambut sahaja) Sehingga 10.00 malam
- Kedai cuci kereta Sehingga 10.00 malam

BERKUAT KUASA

05 FEBRUARI 2021

Bersama Hentikan Wabak Covid-19

Majlis Keselamatan Negara @MKNJPM Majlis Keselamatan Negara (Rasmi) @mkn_rasmi



Setinggi-tinggi *Tahniah*



kepada
**TUAN YANG TERUTAMA
TUN SERI SETIA (DR.)
HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM
YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA**

atas penganugerahan:

**SERI UTAMA MAHKOTA WILAYAH
(S.U.M.W.)**

yang membawa gelaran:

DATUK SERI UTAMA

Sempena:

Hari Wilayah Persekutuan 2021

Daripada:

KDYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG XVI

Ikhlas daripada



Ahli Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif,
Seluruh Warga Kerja Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka
Dan Kumpulan Anak Syarikat PKNM

Usul rayuan kepada Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Darurat Mohon kelonggaran subsektor pelancongan sukan

FAIZ HASAN

SERI NEGERI - Kerajaan Melaka akan mengusulkan rayuan kepada Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Darurat agar memberi kelonggaran kepada subsektor pelancongan sukan di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan, Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, usul terbabit dibuat bagi memperkasa semula sektor pelancongan yang terjejas di negeri ini rentetan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0.

Bagaimanapun katanya, rayuan tersebut

hanya membabitkan sukan yang tidak melibatkan sentuhan seperti golf, badminton serta sukan berkaitan, bagi menjamin pendapatan pemain industri pelancongan yang terlibat.

"Rayuan ini akan diusulkan kepada peringkat nasional bagi memberi peluang beberapa sektor yang terlibat dalam membangunkan pelancongan Melaka yang terjejas."

"Bagi menjamin kebijakan terhadap pemain industri ini, kerajaan negeri akan sentiasa mengatur strategi bagi memperkasa pelancongan di Melaka yang terkesan dengan pandemik ini," katanya kepada Melaka Hari

Ini.

Tambahnya, dalam memartabatkan semula pasaran pelancongan negeri ini, setiap pemain industri perlu berganding bahu dengan memperkenalkan pelbagai pakej menarik bagi meyakinkan pelancong berkunjung ke Melaka sebaik PKP 2.0 berakhir.

"Dahulu kita ada melancarkan kempen 'Dream Now, Travel Later' namun ia perlu ditukar kepada 'Buy Now, Travel Later' bagi memastikan pasaran pelancongan tetap ada biarpun PKP ini berkuatkuasa."

"Kita perlu akur dengan ujian yang ada ini, namun semua pemain industri pelancongan perlu lebih kreatif ke hadapan dalam mempro-



JAILANI

mosikan produk pelancongan Melaka ke peringkat yang lebih baik.

"Dengan pendekatan yang diperkenalkan ini, ia sedikit sebanyak membantu pemain industri bagi meningkatkan pendapatan pada masa akan datang," katanya.

Tukar bahan terbuang kepada bahan berguna

Liana Sahabudin

AYER KEROH – Perbadanan Teknologi Hijau Melaka (PTHM) dalam usaha merealisasikan kaedah pelupusan sisa pepejal kepada tenaga (WTE) di negeri ini.

Usaha itu dilaksanakan dalam satu majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) PTHM bersama Transformasi Padu Holding Sdn Bhd.

Ketua Pegawai Eksekutif PTHM, Datuk Wira Dr. Abu Bakar Mohd Diah berkata, kerjasama itu bagi memastikan penerapan teknologi hijau di negeri ini diteruskan.

"Kita mahu melibatkan diri dalam sistem WTE selaras dengan negara-negara maju yang berusaha menukar bahan terbuang kepada bahan berguna.

"Contohnya, bahan buangan yang ditukar kepada tenaga elektrik dan

gas,...kita mahu teknologi ini bukan fokus di Melaka saja, malah seluruh dunia," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang selepas MoU antara Perbadanan Teknologi Hijau Melaka dan Transformasi Padu Holding Sdn Bhd di Wisma Negeri, baru-baru ini.

Jelasnya, syarikat Transformasi Padu dipilih kerana mempunyai keparisan dalam bidang tersebut.

"Kita perlu jadikan WTE ini realiti, PTHM dan Transformasi Padu bergabung tenaga untuk menjalin kerjasama yang baik.

"Sudah pasti apa yang kita laksanakan ini untuk masa depan Melaka khususnya dan negara amnya," katanya lagi.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Transformasi Padu Holding Sdn Bhd, Datuk Mohd Azman Mohd Yusoff.



MESIN kiosk layan diri yang disediakan di bangunan Graha Makmur boleh digunakan oleh orang ramai.

MBMB sedia kiosk layan diri untuk pelanggan

AYER KEROH – Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) menyediakan mesin kiosk layan diri bagi memudahkan orang ramai membuat segala pembayaran bil berkaitan pihak berkuasa tempatan itu.

Datuk Bandar MBMB Datuk Zainal Abu berkata, pengenalan mesin kiosk layan diri juga secara tidak langsung dapat mengelakkkan kesesakan di kaunter sedia ada, khususnya ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0.

Untuk fasa pertama, jelasnya, sebanyak tiga unit mesin kiosk layan diri ditempatkan di bangunan Graha Makmur MBMB, di sini, dan ia dibuka kepada orang ramai.

"Mesin kiosk ini menerima pembayaran bagi cukai pintu, kompaun, sewa gerai, bil rampai dan bil pelan. Akan datang, sekiranya fasa pertama ini mendapat sambutan yang baik, MBMB berhasrat untuk meletakkan kiosk bayaran ini di tempat tumpuan awam seperti pusat beli-belah, pasar raya serta agensi perkhidmatan lain.

"Antara kelebihan pembayaran di mesin kiosk ini ialah pembayaran boleh dibuat secara kad kredit atau debit selain e-wallet, tunai dan melalui cek."

"Ia juga membenarkan pembayaran secara pukal maksimum lima bil pada satu-satu masa, selain disifatkan mesra pengguna memandangkan proses menyemak bil jadi lebih mudah dengan penyediaan imbasan kod QR," katanya.

Mengulas lanjut, Zainal memaklumkan selain pembayaran di kiosk atau kaunter pihak MBMB turut menyediakan kemudahan e-bayaran iaitu MyfpXMBMB yang boleh diakses oleh pengguna menggunakan telefon pintar atau laman sesawang di <https://myfpx.mbmp.gov.my>.



ABU Bakar (duduk kiri) bersama Mohd Azman (duduk kanan) menandatangani MoU bagi merealisasikan kaedah pelupusan sisa pepejal kepada tenaga.

MELAKA HARI INI

NO.TEL : 06 - 251 9314,
06 - 251 9315
FAX : 06 - 251 9316

PENGARANG KANAN
MUHD RIZANIZAM
ABDUL HAMID
mrizanizam@gmail.com

PENGARANG
MOHD HAMZATUL
AKMAR MD ZAKARIA
yondalmes@melakaharlini.my

PENGARANG DIGITAL
MEOR RIDUWAN
meor76riduwani@gmail.com

JURUFOTO KANAN
AZREN JAMALUDIN
m.azren86@gmail.com

PEGAWAI
TEKNOLOGI MAKLUMAT
AHMAD ZUHAIR
UMARAH SAMSER
zuhair@melakaharlini.my

WARTAWAN

LIANA SAHABUDIN
liyan90@melakaharlini.my

MOHD FAZRUL
ABDUL MAJID
fazrul@melakaharlini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakaharlini.my

FARAH SUHAIDAH
OTHMAN
farahothman@melakaharlini.my

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakaharlini.my

MIMIE AZURA
ABU BAKAR
mimieazura912@melakaharlini.my

ZUL RAHIMI RAMLI
mk7zul@melakaharlini.my

PEMASARAN

PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI
ROSMANI
amz@melakaharlini.my
018 - 329 9936

EKSEKUTIF PEMASARAN & PENGIKLARAN
NAQUIB TAJUDIN
naquib@melakaharlini.my

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
izraihanah.363@gmail.com

SHARIFAH NORHALIDAH
SYED KHADIZIR
Khalidah@melakaharlini.my

MELAKA TV

KETUA
ASHALIA YUSOF
ashaliayusof@melakaharlini.my

WARTAWAN PIENYARAN
MOHAMAD FARIS HAikal
farishakal.Zakaria@melakaharlini.my

PENYUNTING VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakaharlini.my

JURUKAMERA
ISMAL IBRAHIM
dakmail92@melakaharlini.my

AUFA IZZATI
AHMAD ZAILANI
aufazzati98@melakaharlini.my

AMIRUL RAMLI
amirulramli13990@melakaharlini.my



Setinggi-tinggi *Tahniah*



kepada
**TUAN YANG TERUTAMA
TUN SERI SETIA (DR.)
HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM
YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA**
atas penganugerahan:

**SERI UTAMA MAHKOTA WILAYAH
(S.U.M.W.)**

yang membawa gelaran:
DATUK SERI UTAMA

Sempena:
Hari Wilayah Persekutuan 2021

Daripada:
**KDYMM SERI PADUKA BAGINDA
YANG DIPERTUAN AGONG XVI**

Ikhlas daripada



Yang Dipertua, Setiausaha, Ahli-Ahli Majlis
Seluruh Warga Kerja
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya



Setinggi-tinggi *Tahniah*



kepada
**TUAN YANG TERUTAMA
TUN SERI SETIA (DR.)
HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM
YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA**

atas penganugerahan:

**SERI UTAMA MAHKOTA WILAYAH
(S.U.M.W.)**

yang membawa gelaran:
DATUK SERI UTAMA

Sempena:
Hari Wilayah Persekutuan 2021

Daripada:

**KDYMM SERI PADUKA BAGINDA
YANG DIPERTUAN AGONG XVI**

Ikhlas daripada



KUIM
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA

**YAB Pengurus, Ahli Lembaga Pengarah,
Naib Canselor, Pengurusan Tertinggi
dan Seluruh Warga Kolej Universiti Islam Melaka**



Setinggi-tinggi
Tahniah



kepada

**TUAN YANG TERUTAMA
TUN SERI SETIA (DR.)
HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM
YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA
atas penganugerahan:**

**SERI UTAMA MAHKOTA WILAYAH
(S.U.M.W.)**

yang membawa gelaran:

DATUK SERI UTAMA

Sempena:

Hari Wilayah Persekutuan 2021

Daripada:

**KDYMM SERI PADUKA BAGINDA
YANG DIPERTUAN AGONG XVI**

Ikhlas daripada



Pantai Hospital Ayer Keroh

Cawangan Pantai Medical Centre Sdn. Bhd. (73056-D)

No. 2418-1, KM 8, Lebuh Ayer Keroh, 75450 Melaka, Malaysia

Tel : +606 - 231 9999 Fax : +606 - 231 3299 Kecemasan : +606 - 231 3610

Whatsapp : +6016-301 2999

E-mel : my.phak.general@parkwaypantai.com

Website : www.pantai.com.my

Mercun bernilai lebih setengah juta ringgit dirampas

Farah Suhaidah Othman

BUKIT BERUANG – Tam-pal pelekat misi bantuan ban-jir di bahagian tepi badan lori antara taktik dilakukan sindi-ket mercun bagi mengaburi pi-hak berkuasa ketika melalui sekatan jalan raya (SJR) di ne-geri ini.

Taktik itu bagaimana-pun terbongkar selepas polis menahan tujuh lelaki dan seorang wanita berusia antara 25 hingga 39 tahun dalam empat serbuan beras-ingan di sekitar Batu Beren-dam dan Ayer Keroh serta Jalan Tampin-Alor Gajah dan merampas mercun pel-bal-gai jenis bernilai RM510,000.

Ketua Polis Melaka, Datuk Abdul Majid Mohd Ali berkata, semua suspek berkenaan ditahan dalam Op Li-mau yang dijalankan pi-haknya sejak 1 Februari lalu bagi mencegah kegiatan jenayah di sekitar negeri ini.

Katanya, dalam tiga ser-buan berasingan antara jam 7.30 malam hingga 9.45 malam 1 Februari lepas, pi-haknya menahan lima lelaki berusia antara 25 hingga 29 tahun dan merampas mercun pel-bal-gai jenis bernilai RM150,000 dalam premis di



ABDUL Majid (dua kanan) menunjukkan mercun yang dirampas dalam sidang media di IPK pada 4 Februari lepas.

sekitar Batu Berendam dan Ayer Keroh.

"Susulan serbuan, pi-haknya menjalankan satu lagi serbuan di sebuah premis di Jalan Tampin – Alor Gajah pada 6 pagi Selasa lalu (2 Februari) dan menahan dua lelaki berusia 34 dan 39 tahun serta seorang wanita warga Thailand berusia 29 tahun, dipercayai isteri

salah seorang suspek.

"Dalam serbuan itu, polis menemukan mercun pel-bal-gai jenis dianggarkan bernilai RM360,000.

"Berdasarkan kedua-dua serbuan itu, nilai keselu-ruhan rampasan bernilai RM510,-000 dan kita turut menyita sebuah lori dipercayai digunakan suspek untuk mengangkut mercun

berkenaan," katanya pada si-dang media di Mes Pegawai Kanan Ibu Pejabat Polis Kon-tinjen (IPK) negeri, pada 4 Februari lepas.

Mengulas lanjut, katanya sindiket itu dipercayai aktif mempromosikan dan menjual mercun menerusi WhatsApp dan mencari pe-langgan secara rambang sejak dua bulan lalu.

"Menariknya kes ini, sindiket memperdaya pi-hak berkuasa ketika melalui SJR dengan melekatkan pelekat tertera tulisan misi bantuan banjir bagi tujuan melepas sekatan itu.

"Kita percaya bekalan diperolehi dari negara jiran dan sindiket berkenaan me-lakukan aktiviti rentas negeri bagi menjual mercun tersebut," katanya.

but," katanya.

Beliau berkata, semua suspek direman empat hari sehingga 6 Februari bagi membantu siasatan dan kes disiasat mengikut Seksyen 8 Akta Bahan Letupan 1957, yang memperuntukkan hu-kuman penjara maksimum tu-juh tahun atau denda RM10,000 atau kedua-dua-nya jika sabit kesalahan.

Diperdaya Macau Scam Kerani kilang rugi RM68,700



BUKIT BERUANG - Seorang lagi penduduk negeri ini diperdaya sindiket Macau Scam, baru-baru ini membabitkan kerugian RM68,700, sekali gus menjadi

mangsa ke 12, sejak Januari lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Je-nayah Komersial negeri, Super-intendan E. Sundra Rajan berkata, mangsa adalah wanita berusia 40

tahun dari Krubong dan bekerja sebagai kerani kilang.

Katanya, sepanjang Januari lalu seramai 11 individu terdiri daripada tujuh lelaki dan empat wanita menjadi mangsa sindiket terbabit dengan jumlah kerugian melebihi RM2.4 juta.

"Daripada jumlah itu enam kes direkodkan di Melaka Tengah membabitkan kerugian lebih RM2.26 juta, Alor Gajah (tiga kes, RM50,650) dan Jasin (dua kes, RM65,000)," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas kes terbaru itu, Sundra Rajan berkata, mangsa me-nyatakan dia dihubungi seorang perempuan Melayu yang memperkenalkan diri sebagai pegawai operasi cukai dari Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Cyberjaya dan memaklumkan mangsa mempunyai tunggakan bayaran cukai syarikat beroperasi di Kuan-tan, Pahang sebanyak RM38,690.

"Mangsa menafikan perkara itu dan disambungkan kepada seorang lelaki mendakwa sebagai 'Sarjan Roslan' dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang untuk membuat aduan berkaitan.

"Sarjan Roslan meminta butiran peribadi mangsa untuk mem-buat semakan dan mendakwa mangsa turut terbabit kes penyalahgunaan dadah dan pengguba-han wang haram.

"Mangsa kemudiannya dis-ambungkan pula kepada seorang lelaki mengaku 'Asisten Komisioner Datuk Wazir' yang men-garahkannya memuat turun aplikasi MY-BNM dan mengisi butiran akaun bank untuk siasa-tan," katanya.

Sundra Rajan berkata, selepas mengikuti arahan suspek, mangsa menerima mesej melalui What-sApp meminta nombor Kod Penge-sahan Transaksi (TAC).

"Tanpa curiga mangsa menye-

rahkan no TAC sebelum meny-e dari dirinya ditipu selepas me-nerima pesanan ringkas bank memaklumkan berkenaan pinda-han wang dari akaun mangsa.

"Mangsa menghubungi tiga bank dan diberitahu transaksi gagal, namun terdapat satu pinda-han wang berjaya dilakukan ke akaun ketiga dari akaun HSBC Bank Malaysia Berhad milik mangsa dengan sembilan transaksi berjumlah RM68,700," katanya.

Beliau berkata, hasil semakan polis mendapati nombor telepon digunakan suspek terbabit 14 laporan polis menggunakan modus operandi sama dengan kerugian yang dialami secara kumulatif mence-cah RM492,950.50.

"Sehubungan itu, polis me-minta orang ramai menyemak nombor telefon dan akaun bank melalui laman web <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule/> sebelum membuat sebarang uru-san

"Jangan mudah percaya in-dividu menyamar pi-hak LHDN dan sebagainya dan memuat turun aplikasi yang mencurigakan bagi mengelak menjadi mangsa," katanya.



SUNDRA Rajan



Setinggi-tinggi *Tahniah*



kepada
**TUAN YANG TERUTAMA
TUN SERI SETIA (DR.)
HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM
YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA**

atas penganugerahan:

**SERI UTAMA MAHKOTA WILAYAH
(S.U.M.W.)**

yang membawa gelaran:

DATUK SERI UTAMA

Sempena:

Hari Wilayah Persekutuan 2021

Daripada:

**KDYMM SERI PADUKA BAGINDA
YANG DIPERTUAN AGONG XVI**

Ikhlas daripada



PUTRA SPECIALIST HOSPITAL (MELAKA) SDN BHD
Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif,
Doktor Pakar dan seluruh warga kerja
Putra Specialist Hospital (Melaka) Sdn Bhd



SHADAN
meninjau
operasi
penjaja
kecil di
dalam
kawasan
Hang Tuah
Jaya.
(kredit
foto:MPHTJ)

Bantu penjaja dapatkan lesen sementara

MPHTJ turun padang

AYER KEROH – Penjaja kecil di kawasan pentadbiran Hang Tuah Jaya kini tidak perlu rungsing untuk memohon lesen sementara, selepas Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) melaksanakan inisiatif turun padang dan membantu memudahkan urusan mereka.

Yang Dipertua MPHTJ, Datin Sapiyah Haron berkata, perkara itu dilakukan sebagai usaha menyokong inisiatif Melaka Bebas Berniaga seperti diumumkan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali dalam Belanjawan Negeri Melaka 2021.

Jelasnya, bagi memastikan keberkesanan inisiatif itu, beliau bersama ahli majlis kawasan pergi berjumpa sendiri dengan orang ramai ke beberapa kawasan terpilih pada tarikh yang ditetapkan untuk memudahkan urusan mendapatkan lesen peniagaan itu.

Bagaimanapun, ujarnya lesen hanya akan diserahkan kepada mereka yang melengkapkan bor-

ang dan menyediakan dokumen diperlukan seperti salinan kad pengenalan, salinan pendaftaran syarikat (SSM) dan salinan kad suntikan pengendali makanan.

“Selain itu, mereka juga perlulah menyediakan wang tunai RM63.75 bagi tujuan bayaran proses (RM10), lesen untuk tiga bulan (RM48.75) dan patil (RM5).

“Apabila semuanya lengkap, kita akan menyerahkan lesen kepada mereka dalam sesi ‘walkabout’ di beberapa kawasan yang akan dijalankan pada tarikh yang ditetapkan,” katanya dalam satu kenyataan.

Shadan berkata, Bukit Katil menjadi lokasi pertama untuk program berkenaan pada 4 Februari, diikuti Bemban (11 Februari), Kesidang (19 Februari), Ayer Keroh (26 Februari), Durian Tunggal (5 Mac) dan Pengkalan Batu (12 Mac).

“Sebarang pertanyaan lanjut berhubung sesi itu, bolehlah menghubungi talian 06-2323 773,” katanya lagi.

MPJ hargai jasa 'frontliner'

JASIN – Jasa dan pengorbanan petugas barisan hadapan memerangi pandemik COVID-19 terus dihargai pelbagai pihak.

Justeru, Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) tidak ketinggalan menghargai perjuangan mereka menerusi penganjuran program MPJ Prihatin Di Hatiku yang diajak baru-baru ini.

Menerusi program tersebut, anggota MPJ berkonvoi ke Sekatan Jalan Raya (SJR) di Daerah Jasin dan menyampaikan kit makanan kepada petugas terlibat.

Yang Dipertua MPJ, Datin Sapiyah Haron berkata, inisiatif tersebut diharap dapat memberikan sedikit keceriaan di wajah mereka.

“Mereka antara yang bertanggungjawab memastikan daerah ini khususnya dalam keadaan selamat.

“Sumbangan ini sebagai usaha kami menghargai jasa serta pengorbanan petugas barisan hadapan terdiri daripada anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) yang menjalankan tugas di daerah ini.

“Antara SJR yang kita lawati adalah Jalan Bemban-Jasin, Tol Lipat Kajang, Jalan Merlimau-Jasin, Lebuhraya AMJ Sungai Rambai dan Jalan Kesang-Garing,” katanya.

Jelas Sapiyah, dalam kesibukan menjalankan tugas, petugas barisan hadapan mungkin tidak sempat untuk berehat dan mengisi perut mereka.

“MPJ sedaya upaya membantu dengan menyediakan bekalan makanan agar mereka dapat bekerja dengan lebih lancar dan bersemangat,” katanya.



SAPIAH
(empat kanan)
menyampaikan
sumbangan kit
makanan kepada
petugas barisan
hadapan di Jasin,
baru-baru ini.

Foto Kredit MPJ

RESIDENSI
Bukit Katil

Pegangan Bebas | Tanah Adat Melaka

DISKAUN REBAT
10% + 10%*

HARGA BERMULA DARIPADA
RM 186,300*

*Tertakluk pada terma & syarat



Kemudahan Yang Ditawarkan:

- Surau
- Tadika & Taska
- Dewan Serba Guna
- Taman Permainan Kanak-kanak

Kediaman Kontemporari Menepati Cita Rasa Masa Kini



JENIS B1: 1,000 kps
3 Bilik Tidur + 2 Bilik Air

AG BUMI HARTANAH

RAKAN JUALAN PRIMA (AG BUMI HARTANAH)

510 Jalan Melaka Raya 12, Taman Melaka Raya, 75000, Melaka

Pejabat: 06 - 286 5120

wiramagr@gmail.com

| Isnin - Jumaat
(9.00 Pagi - 5.00 Petang)



www.pr1ma.my

Ibu Pejabat PRIMA

03 - 7628 9898

Isrin hingga Ahad (9.00 pagi - 6.00 petang)
E-mel: info@prima.my

Muat turun aplikasi PRIMA sekarang



PEMAJU: PRIMA CORPORATION MALAYSIA GALERI: TINGKAT BAWAH, BLOK F, NO. 2, JALAN PJU 1A/7A,
OASIS DAIRANSARA, 47301 PETALING JAYA, SELANGOR. TEL: 603-7495 8888 FAX: 603-7840 0268 • Nombor
Lesen Pengaju: 14169-4501-202101043314 • Tempoh Sah Laku: 16/1/2020 - 15/1/2021 • Nombor Permit Iklan dan
Jualan: 14/69-4501-202101043310 • Tempoh Sah Laku: 16/1/2020 - 15/1/2021 • Pihak Berkuasa: Majlis Bandaraya
Melaka Bersyeraht • Nombor Perlesenan Diliwukan: MMR/BUKA/0011/02/2016/9 • Pembangunan Perumahan:
Residensi Bukit Katil • Bilangan Unit: 527 • Jenis Rumah: Apartment • Harga Jenis A (minimum) RM200,000 (maksimum)
RM282,000 • Harga Jenis B (minimum) RM250,000 (maksimum) RM297,000 • Harga Jenis C (minimum) RM250,000
(maksimum) RM297,000 • Pegangan Tanah: Pegangan Bebas Tanah Adat Melaka • Sekatan Keperingatan: Tiada •
Bebanan Tanah: Tradis • Tarikh Dijangka Seja: Mac 2023

MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang." (**Surah Al-A'la, ayat 14-15**)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (**Surah Al-Baqarah, ayat 155**)

MAIM peruntuk RM600,000 kit makanan

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

MELAKA TENGAH - Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) memperuntukan sebanyak RM600,000 bagi penyediaan sejumlah 15,000 kit makanan kecemasan untuk membantu mereka yang memerlukan sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan dan Pergerakan (PKP) 2.0.

Kit makanan berkenaan merupakan inisiatif MAIM melalui Bilik Gerakan Mus'aadah Agensi Agama Islam Melaka yang telah ditubuhkan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan pada tahun lalu.

Timbalan Pengurus MAIM, Datuk Md. Rawi Mahmud berkata, dana dan peruntukan daripada Tabung Musa'adah itu melibatkan sumber korporat, pembiayaan fidyah serta sumbangan orang ramai.

Beliau berkata, pengagihan kit makanan ini telah dilaksanakan sejak pelaksanaan PKP 2.0 yang lalu dan ia melalui dua yang mana fasa satu membabitkan 10,000 penerima telah selesai awal bulan lepas.

"Kita buat dua kali pengagihan, fasa pertama sudah selesai melibatkan 10,000 kit makanan yang kita edarkan ke seluruh negeri yang mana kit berkenaan dihantar ke

masjid-masjid, Jawatankuasa Pembangunan dan Penyeiaran Dewan Undangan Negeri (Japerun) dan sebagainya."

"Bermula minggu ini, kita mulakan pula fasa kedua yang melibatkan 5,000 kit makanan dan ini kita edarkan secara berperingkat ke beberapa persatuan dan pertubuhan di sekitar negeri ini antaranya kita edar kepada persatuan gunting rambut, mereka juga terjejas pendapatan sebab kedai mereka tidak dibenarkan beroperasi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyampaikan 1,126 kit makanan kepada Persatuan Nelayan Negeri Melaka di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) baru-baru ini.

Turut hadir Mufti Kerajaan Negeri, Datuk Abdul Halim Tawil dan Pengarah LKIM, Rosli Mustapa.

Tambahnya, meskipun usaha itu merupakan inisiatif pihak berkuasa agama yang terdiri daripada MAIM, Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), Jabatan Mufti Negeri Melaka (JMN) dan Zakat Melaka (ZM), namun ia tidak bermakna orang bukan Islam tidak dibantu.

Jelasnya, masyarakat bukan Islam yang memerlukan dan kesempitan juga diberikan kit makanan yang sama bersumberkan dana am dan pas-



MD Rawi menyampaikan kit makanan kepada Rosli.

tinya ianya sedikit membantu mereka meneruskan kehidupan dalam tempoh yang sukar ini.

"MAIM turut menyampaikan bantuan kit makanan ini kepada seluruh perkampungan Orang Asli di negeri ini yang mana sebanyak 1,000 kit makanan ke 14 buah kampung Orang Asal," jelasnya.



PENGAGIHAN kit makanan ini mampu membantu mereka yang terkesan.

BILIK GERAKAN COVID-19 AGENSI AGAMA ISLAM NEGERI MELAKA

13hb - 26hb JANUARI 2021

NO. HOTLINE MAIM :
06- 283 7416/06-284 9809/06-283 2077
SAMBUNGAN : EXT 156

WAKTU OPERASI :

09.30AM - 4.30PM (ISNIN - AHAD)

**TERUS DUDUK RUMAH DAN
PATUHI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

Lensa pengagihan kit makanan Musa'adah Bilik Gerakan Agensi Agama Islam Melaka



TURUT menerima sumbangan Persatuan Gunting Rambut Melaka.



SEJUMLAH kit makanan
disediakan.



SETIAUSAHA MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim menyampaikan sumbangan kit makanan kepada Persatuan Beca Warisan Melaka.



PENYAMPAIAN sumbangan di Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Daerah Jasin.



BERAS berkualiti
antara sumbangan
yang disediakan.



RUMAH Teduhan Kasih Melaka antara yang menerima kit makanan ini.





JOM BERWAKAF

“Satu Amal Mencipta Sejuta Manfaat”

Apabila matinya anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu **sedekah jariah**, ilmu yang dimanfaatkan atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya

<https://iwakaf.maim.gov.my>

-Hadith Riwayat Muslim-

Tanggungjawab ibadah kerana Allah SWT



Datuk Hj. Ibrahim Bin Fadil

Ketua Pegawai Eksekutif,
Zakat Melaka,
Majlis Agama
Islam Melaka.

PERMULAAN tahun 2021 merupakan tahun yang amat mencabar kepada semua pihak, dimana hari demi hari peningkatan kes penularan pandemik COVID-19 ini sangat membimbangkan. Ianya memberi kesan yang amat besar dari pelbagai aspek antaranya agama, ekonomi, sosial, pendidikan dan sebagainya.

Oleh yang demikian, seseorang yang mengakui beriman dan taat terhadap perintah Allah SWT perlulah redha dengan ketentuan-Nya. Selain daripada itu, seseorang yang bersyukur atas kurniaan rezeki dari-Nya, yakinlah Allah SWT akan tambahkan rezeki mereka jika menunaikan tanggungjawab ibadah semata-mata kerana Allah SWT.

Setiap ibadah yang dilakukan akan mendapat rahmat dan keampunan serta memperolehi ganjaran pahala yang besar disisi-Nya. Misalan, ibadah zakat merupakan tuntutan wajib bagi setiap umat Islam dan Allah SWT menyediakan ganjaran yang besar kepada mereka yang menunaikan ibadah zakat. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah ayat 261:

Yang bermaksud: "Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipat gandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi Meliputi ilmu pengetahuan-Nya."

Tanggungjawab ibadah zakat ini dapat

"Bantuan zakat ini adalah hasil daripada pembayar-pembayar zakat di setiap negeri sekaligus memberi manfaat kepada mereka yang memerlukan. Apabila seseorang itu memudahkan urusan orang lain yang mengalami kesulitan, Allah SWT akan memudahkan urusan baginya di dunia mahupun di akhirat kelak. "

menjaga hubungan sesama manusia dimana mereka yang berdepan dengan kesusahan hidup akan diberikan bantuan. Sebagai contoh, apabila negara Malaysia mengalami situasi yang amat membimbangkan semua pihak iaitu penularan pandemik COVID-19, Kerajaan Malaysia telah mengambil pendekatan membantu rakyat yang terjejas dengan melancarkan rangsangan ekonomi melalui bantuan prihatin kepada golongan sasaran B40 dan M40.

Dalam masa yang sama, setiap negeri di Malaysia berperanan dan bertanggungjawab melalui Majlis Agama Islam Negeri telah mengagihkan bantuan zakat kepada mereka yang mengalami kesempitan kewangan. Bantuan zakat ini adalah hasil daripada pembayar-pembayar zakat di setiap negeri sekaligus memberi manfaat kepada mereka yang memerlukan. Apabila seseorang itu memudahkan urusan orang lain yang mengalami kesulitan, Allah SWT akan memudahkan urusan baginya di dunia mahupun di akhirat kelak.

Sepertimana dari Abu Hurairah r.a., Nabi SAW bersabda, yang bermaksud: "Barang siapa yang melepaskan satu kesusahan seorang mukmin, pasti Allah SWT akan melepaskan darinya satu kesusahan pada hari

nya di dunia dan di akhirat. Allah SWT sentiasa menolong hamba-Nya selama hamba-Nya itu suka menolong saudaranya". (**Hadis Riwayat Muslim**)

Justeru itu, semua pihak perlulah memainkan peranan penting bagi memikul tanggungjawab ini. Tanggungjawab ibadah ini haruslah ditanam di dalam hati-hati insan yang beriman dan bertaqwa semata-mata kerana Allah SWT tidak kiralah ibadah itu berbentuk wajib ataupun sunat. Allah SWT akan memberi ganjaran pahala yang amat besar di akhirat kelak. Yakin dan percayalah janji Allah SWT kepada hamba-Nya yang taat terhadap perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Semoga Negara Malaysia diberikan kemakmuran dan dihindarkan segala musibah, bencana dan wabak penyakit. In Shaa Allah.

Sebarang pertanyaan tentang info zakat bolehlah layari atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.

kiamat. Barangsiapa yang menjadikan mudah urusan orang lain, pasti Allah SWT akan memudahkannya di dunia dan di akhirat. Barangsiapa yang menutupi aib seseorang muslim, pasti Allah SWT akan menutupi aib-



**Bayaran ZAKAT
Di Hujung Jari Anda**

Layari

www.izakat.com



Sama-sama putuskan
rantaian COVID-19

#jomtunaikanzakat
#stayathome
#staysafe

Hanya **2.5%** Sahaja

1-300-88-0233 www.izakat.com [Zakat Melaka](#) [zakat.melaka](#) [Zakat Melaka](#) [Zakat Melaka](#)



Hanya 2.5%

"Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi"

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: www.izakat.com

1-300-88-0233 www.izakat.com [Zakat Melaka](#) [zakat.melaka](#) [Zakat Melaka](#) [Zakat Melaka](#)





Setinggi-tinggi
Tahniah



kepada

**TUAN YANG TERUTAMA
TUN SERI SETIA (DR.)
HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM
YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA**

atas penganugerahan:

**SERI UTAMA MAHKOTA WILAYAH
(S.U.M.W.)**

yang membawa gelaran:

DATUK SERI UTAMA

Sempena:

Hari Wilayah Persekutuan 2021

Daripada:

**KDYMM SERI PADUKA BAGINDA
YANG DIPERTUA AGONG XVI**

Ikhlas daripada:



Ahli Lembaga Pengarah, Setiausaha & Seluruh Warga Kerja
Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)



SMART A+

**SOALAN LATIHAN &
TEKNIK MENJAWAB SPM
SUBJEK : SEJAHRAH**

"JOM SERTAI KELAS TUISYEN 2021
BERSAMA KIBGIM" /n "Hubungi Kami :
011-15116270 / 019-2886270".

TEKNIK PENULISAN KARANGAN BAHASA MELAYU SPM

PANDUAN MENJAWAB SOALAN BINA AYAT

- Boleh bina ayat pasif.
- Boleh bina ayat tunggal.
- Boleh bina ayat aktif.
- Boleh bina ayat majmuk.
- Boleh bina ayat cakap ajuk tetapi perlu mematuhi peraturan tanda baca (tanda petik).

PERINGATAN.

Pelajar jangan sesekali:

1. Menambah atau menggugurkan imbuhan.
2. Jadikan perkataan diuji sebagai kata nama khas.
3. Jadikan perkataan diuji sebagai peribahasa.
4. Membina ayat yang tidak jelas/ tidak difahami maksud.

CONTOH SOALAN DAN JAWAPAN:

Suka duka.

Ketika bertugas di kawasan pedalaman itu, saya terpaksa menempuh pelbagai suka duka sebelum saya berjaya membawa kejayaan untuk sekolah dan penduduk di kawasan itu.

Baik buruk.

Kejadian kesan buruk yang tidak disedari atau tidak dilaporkan akan hanya memberikan gambaran yang tidak tepat tentang baik buruk sesuatu ubat itu.

Penat lelah

Segala penat lelah beliau terbayar apabila beliau memenangi tempat pertama dalam pertandingan itu.

Melayari laman web

Pelajar-pelajar digalakkan supaya melayari laman web Kementerian Pengajian Tinggi untuk mendapatkan maklumat tentang kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Pembangunan mesra alam

Kerajaan akan memastikan bahawa setiap pemaju perumahan mestilah mengutamakan pembangunan mesra alam untuk mengelakkan pencemaran dan kejadian tanah runtuh yang semakin berleluasa.

TEKNIK RUMUSAN

PERATURAN MERUMUS

Perlu mengenal pasti isi-isi utama dalam petikan.

Asingkan isi utama dan isi sampingan, huraian dan bukti.

Panjang rumusan mestilah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Jumlah isi tersurat dan tersirat adalah antara 2 - 8 isi dan boleh ditulis lebih asalkan tidak melebihi jumlah patah kata.

Boleh memetik ayat dalam petikan, asalkan tidak disalin secara terus. Tukar dengan perkataan lain / tukarkan penanda wacana.

Rumusan mesti ditulis dalam 4 peranggan iaitu peranggan pendahuluan, isi tersurat, isi tersirat dan kesimpulan.

CONTOH PENDAHULUAN

Menulis frasa pendahuluan

CONTOH: Petikan membincangkan/ membicarakan/ menyatakan...

Tukarkan arahan 1 dengan sinonim

CONTOH: Petikan membincangkan punca-punca/ sebab-sebab penderaan pembantu rumah...

Letakkan penambahan sedikit pada hujung ayat yang menggambarkan keseluruhan petikan seperti di negara kita/ pada masa ini / dalam kalangan ...

CONTOH: Petikan membincangkan perkara-perkara yang mendorong majikan mendera pembantu rumah mereka di negara ini.

CONTOH ISI TERSURAT

- ♣ Isi tersurat merupakan isi yang terdapat secara langsung dalam petikan memenuhi arahan soalan / tugas pertama.
- ♣ Jika arahan soalan ialah faktor..... isi tersurat mestilah berkaitan dengan faktor.
- ♣ Pelajar dilarang menyalin bulat-bulat / keseluruhan ayat daripada petikan. Calon mesti menggunakan ayat sendiri dengan membuat sedikit pengubahsuaian dari ayat asal

- ♣ Beberapa ayat boleh digabungkan dalam ayat majmuk tetapi mesti lengkap.

CONTOH ISI TERSIRAT

≡ Isi tersirat merupakan ulasan yang munasabah terhadap unsur kedua /kata tugas kedua dalam arahan soalan

≡ Sekiranya unsur isi tersirat dalam arahan soalan kedua.... kesan-kesan.. maka pelajar hendaklah menulis kesan yang munasabah.

≡ Contoh :

Penderaan menyebabkan pembantu rumah mengalami tekanan jiwa/ perasaan

CONTOH PENUTUP

≡ Dalam bahagian ini, pelajar mesti mengemukakan 2 unsur yang dapat menyimpulkan / merumus petikan

≡ Unsur pertama - menyatakan cadangan/ saranan terhadap isu..... dengan ditandakandengan kata... mestilah/ haruslah / hendaklah.

≡ Unsur kedua - menyatakan harapan / penyelesaian terhadap isu. Harapan ini ditandakandengan kata ... agar / supaya

≡ Contoh :

Kesimpulannya, kerajaan hendaklah membendung masalah penderaan pembantu rumah dengan segera agar hak-hak mereka dapat dilindungi.

CONTOH ISI TERSIRAT

≡ Isi tersirat merupakan ulasan yang munasabah terhadap unsur kedua /kata tugas kedua dalam arahan soalan

≡ Sekiranya unsur isi tersirat dalam arahan soalan kedua.... kesan-kesan.. maka pelajar hendaklah menulis kesan yang munasabah.

≡ Contoh :

Penderaan menyebabkan pembantu rumah mengalami tekanan jiwa/ perasaan

CARA MUDAH UNTUK MENULIS KARANGAN

Gunakan teknik Di Ke Ma Se N untuk soalan punca, ke sana tau langkah.

Di = Diri sendiri
Ke = Keluarga
Ma = Masyarakat
Se = Sekolah
N = Negara / Kerajaan

PERINGATAN.

A) DIRI SENDIRI

i. PUNCA:

- Isi-isi kecil:
≡ menghadapi tekanan hidup akibat kemiskinan/kekurangan kasih sayang
≡ untuk memanifestasikan sifat kejantanan dan kejaguhan
≡ tidak mempraktikkan ajaran agama kerana berpendapat bahawa ajaran agama adalah jumud dan sudah ketinggalan zaman
≡ suka bertindak tanpa berfikir
≡ tidak mahu mendengar nasihat
≡ didorong oleh nafsu /perasaan ingin tahu/ingin cuba
- Frasa/ungkapan menarik:
i. mencurah air di daun keladi
ii. ketagih kepada desakan adrenalin
iii. remaja yang delinkuen

ii. KESAN

• Isi-isi kecil:

- ≡ menghancurkan masa depan (-ve)
- ≡ terjebak dalam pelbagai gejala sosial lain yang lebih teruk
- ≡ hilang hala tuju kehidupan
- ≡ menjelaskan maruah keluarga
- ≡ dipandang hina oleh masyarakat
- ≡ dapat memimpin negara dengan lebih kreatif dan optimis (+ve)

• Frasa/ungkapan menarik:

- i. menconteng arang kemuka keluarga
- ii. kerana nila setitik rosak susu sebelanga
- iii. seekor kerbau membawa lumpur habis semua terpalit
- iv. air sama air sampah ketepi juga
- v. pemangkin pemacu negara

Pengajaran dan pembelajaran atas talian dalam norma baharu



Prof. Madya Dr. Khairul Azami Sidek



PENGAJARAN dan pembelajaran atas talian sudah menjadi norma baharu bagi institusi pendidikan di Malaysia kesan pandemik COVID-19 sejak lebih setahun yang lalu. Dengan jumlah kes positif COVID-19 yang meningkat saban hari dan tidak menunjukkan trend ia akan berkurangan, kaedah ini menjadi wadah kesinambungan pendidikan di Malaysia yang mengisi kelompongkaan kaedah pembelajaran tradisi yang lebih tertumpu kepada pengajaran dan pembelajaran secara bersempua. Baik di peringkat pendidikan rendah mahupun universiti, medium atas talian adalah jambatan ilmu yang baru antara tenaga pengajar dan pelajar.

Walaubagaimanapun, kemunculan teknologi ini bukanlah perkara baharu dan dahulunya lebih banyak difokus untuk menghubungkan orang yang jauh, namun kini ia telah menjadi satu kelaziman dalam menyampaikan ilmu kepada golongan sasaran. Dengan keadaan sedemikian, peranti mudah alih telah menjadi perkakas yang harus dimiliki oleh sesebuah keluarga bagaikan membeli barang keperluan asas. Akan tetapi, teknologi atas talian seharusnya dilihat sebagai alat untuk mencapai sesuatu matlamat. Selamanya ia adalah medium bukannya tujuan hakiki. Maka, dalam senario yang sedia ada, teknologi atas talian menggunakan peranti mudah alih seperti komputer riba dan telefon bimbit digunakan oleh tenaga pengajar sebagai medium untuk menyampaikan sesuatu ilmu dan pada masa yang sama, menjadi plat-

form para pelajar menerima maklumat mengenai sesuatu perkara.

Namun, di sebalik munculnya teknologi seperti ini, pasti ada kelebihan dan kepincangannya. Umpama memegang sebilah pisau, ia bergantung kepada orang yang memegang pisau tersebut, sama ada untuk tujuan yang baik ataupun buruk. Sebilah pisau boleh digunakan untuk memotong buah-buahan dan sayur-sayuran, sebaliknya, ia juga boleh digunakan untuk mencederakan anggota badan seseorang. Justeru, ia bergantung kepada niat atau matlamat seseorang itu. Bertitik tolak daripada hal ini, jika dikaitkan dengan teknologi atas talian, wujud pelbagai kelebihan menggunakanannya, pada masa yang sama, terserah ketempangan teknologi yang tersedia.

Antara kelebihan teknologi atas talian adalah ia dapat menghubungkan pelbagai tunjang ilmu mencakupi setiap lapisan ma-

syarakat tanpa mengira latar, warna kulit dan keturunan seseorang. Selagi kita mempunyai capaian rangkaian internet pada peranti mudah alih yang digunakan, selagi itu proses pengajaran dan pembelajaran akan dapat dilaksanakan dan diikuti. Selain itu, kewujudan teknologi ini juga menuntut para pengajar untuk menjana kreativiti dalam menjadikan bahan pelajaran lebih menarik dan mudah difahami dengan penggunaan komponen audio visual yang bersesuaian. Dalam konteks ini, ruang lingkup pemikiran tenaga pengajar perlu menjangkaui batasan ruangan bilik darjah sesuai dengan zaman Revolusi Industri 4.0 yang mencabar gerak kerja harian kita.

Cukup menarik juga diketengahkan adalah kepincangan teknologi atas talian kepada golongan pelajar. Walaupun para pelajar didedahkan dengan pelbagai jenis ilmu, tetapi adakah ilmu yang dipelajari mampu mendidik mereka? Terdapat perbezaan antara perkataan mengajar dan mendidik. Belajar adalah apabila kita mengetahui sesuatu perkara daripada keadaan yang tidak tahu, sementara mendidik lebih kepada membangun watak dan sahsiah. Dalamerti kata lain, belajar menjadikan seseorang pelajar itu pandai tetapi mendidik menjadikan seseorang pelajar itu bijak. Maka, perspektif mendidik lebih menjurus kepada membentuk cara berfikir, perilaku dan peribadi seseorang. Justeru, sejauh mana teknologi atas talian mampu mendidik jiwa kita harus diletiti. Kesan jangka masa panjang akibat kehilangan komponen pembangunan watak dan sahsiah harus diambil perhatian oleh semua. Kebejatan elemen mencorak keperibadian lama-kelamaan akan menjadikan sifat ke manusiaan atau manusia luntur.

Menyedari hakikat di atas, pelbagai persoalan timbul kesan penggunaan teknologi dalam talian untuk pengajaran dan pembelajaran. Apabila kita merungkai perbezaan

mengajar dan mendidik, apakah modul sedia ada mampu membentuk sifat kemanusiaan apabila belajar atas talian? Mengambil kira perkara ini, adakah ianya satu penyelesaian yang efektif dalam jangka masa panjang?

Selain itu, proses penyampaian ilmu kepada penduduk pedalaman di sesetengah negeri di Malaysia juga dikhawatir terganggu akibat kekurangan infrastruktur capaian rangkaian internet di kawasan-kawasan tersebut. Natiyahnya, jurang digital antara penduduk di bandar dan luar bandar berbanding penduduk di pedalaman semakin melebar. Ini dibuktikan dengan pelbagai kisah rakyat Malaysia yang menggunakan kaedah mereka tersendiri demi kelangsungan proses pembelajaran akibat pandemik yang melanda. Maka, diharapkan pihak yang berkenaan dapat menambahbaik sistem perkhidmatan capaian internet di kawasan-kawasan yang memerlukan bagi memastikan generasi pimpinan masa hadapan negara terdidik dengan sempurna berbekalkan kemudahan yang memadai.

Daripada penerangan di atas, jelaslah bahawa teknologi atas talian perlu diperkisas dengan sistem sokongan daripada segi kemudahan dan infrastruktur yang mencukupi, di samping modul atas talian yang berkesan untuk mendidik diri seseorang pelajar untuk membentuk sikap, watak dan peribadi yang baik. Kita tidak mahu akibat kealpaan pihak tertentu akan menyebabkan lahirnya "generasi yang hilang" (lost generation) iaitu generasi yang kurang daripada segi ilmu dan adab. Justeru, usaha bersama harus digembangkan oleh semua pihak bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran terus berlaku dengan berkesan dan sempurna menggunakan teknologi atas talian.

PROF. Madya Dr. Khairul Azami Sidek merupakan Pensyarah Kanan, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia





Setinggi-tinggi
Tahniah



kepada

**TUAN YANG TERUTAMA
TUN SERI SETIA (DR.)
HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM
YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA**

atas penganugerahan:

**SERI UTAMA MAHKOTA WILAYAH
(S.U.M.W.)**

yang membawa gelaran:

DATUK SERI UTAMA

Sempena:

Hari Wilayah Persekutuan 2021

Daripada:

**KDYMM SERI PADUKA BAGINDA
YANG DIPERTUA AGONG XVI**

Ikhlas daripada:



Ahli Lembaga Pengarah, Pengurus Besar,
dan Seluruh Warga Kerja Yayasan Melaka



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

THE newspaper *Jawi Peranakan* (1876 – 1895), the first Bahasa Melayu periodical in Malaysia grew from the enterprise of the Jawi Peranakan community. It was a weekly, published every Monday. Its printer was Matba' 'Al-Saïdi (percetakan Muhammad Said), at number 431, Victoria Street (Kampung Gelam), in Singapore.

Interestingly the four-paged newspaper carried the slogan "Tawakal itu sebaiknya bekal" (Trust in God as a Provision). Considered to be the first Bahasa Melayu newspaper in the Straits Settlements and the Malay States, the periodical was a natural extension of Malays, especially in port cities – also referred to as Jawi Pekan (literally town Malays).

At that time, especially in places like Singapura and Pulau Pinang, there was the conscious emergence of a new, hybridized identity as a result of the intermarriage between South Indian Muslim men, mainly Tamils and Malabar, to Malay women. Not entirely new rather. Over at least two millennia, there has been waves of movements from both the Coromandel and the Malabar Coasts of India arriving at the shores of the Malay Peninsula, especially on the west coast, forming



JAWI peranakan community

The *Jawi Peranakan*: Early Popular Expressions of Malay Identity in the Archipelago

communities and cultures that would subsequently be assimilated into the dominant Malay Malay identity. And to be fair, it was not only a one-way traffic.

Historian William R. Roff (1972) emphasized the significance of recognizing that the *Jawi Peranakan* thinking of themselves as Malays. The newspaper *Jawi Peranakan* identified entirely with Malay interests, speaking always of "we Malays" or "this Malay community" and primarily reporting Malay affairs. The editors and journalists wrote as Malays.

Nowdays, in Malaysia, the identity and self-consciousness of the community is mainly concentrated in Tanjung, the rest of Pulau Pinang and the urban, western plains of Kedah. And any soul in the nation who has that identity consciousness in them. I have also interchangeably used the term "Melayu Tanjung."

Jawi Peranakan, was the lon-

gest lived Bahasa Melayu newspaper in modern Malaysia. Prior to 1941, it appeared for 19, some said 20 years. There was certainly a reading public, an audience, and a culture of social and intellectual consumption.

We do not find much of these

mopolitan in outlook and regional in its circulation and readership. It reported and commented on the circumstances of their lives. The periodical relied on the English-language press in the Straits Settlements for much of their materials. It came increasingly to style itself

pepper, clove and sago.

Jawi Peranakan brought together a general consciousness of the Malay world. The newspaper's first editor was Munsyi Muhammad Said bin Dada Muhyiddin. Born in Pulau Pinang, he was educated in Kedah by a *hakim* (an in-

“It fostered a knowledge of the Malay world and a sense of community. It had representatives from various parts of the Malay Archipelago. The wakil, or correspondents were placed in such places as Medan, Deli, Padang and Singkel in Sumatera, Riau and Sarawak. There were also stories from Sandakan and Patani, the latter describing the system of government and conditions of its inhabitants. There was also a letter from Labuan on the values of newspapers. *Jawi Peranakan* embodied the geography of Malay world cosmopolitanism.”

narrated in history but its appearance, together with several other periodicals, made possible by publishers and printers, especially in Singapura and Pulau Pinang showed the intertwining relations between journalism, the printing of periodicals, economic and business transactions, as well as cultural and political expressions of the group. The weekly was generally well-received by the Malay, Jawi Peranakan, Arab and the Arab Peranakan communities in the region.

The *Jawi Peranakan*, further manifested the prosperity and intellectual dynamism of the group in the throes of rapid change with the entrance of European influence. It was a response toward Westernization. The group had in the period, expressed these as grave concerns.

As such the *Jawi Peranakan* association was formed in Singapura in 1876. They brought a printing press, and launched the weekly the same year. It provided the latest foreign and local and foreign news, fostered vernacular education and helped to give some regularity to the changing Malay language.

The *Jawi Peranakan* is cos-

after the Egyptian and Arabic press for news and opinion. The editors and journalists behind the weekly wrote as Malays and were not bounded by genres and traditions.

It fostered a knowledge of the Malay world and a sense of community. It had representatives from various parts of the Malay Archipelago. The *wakil*, or correspondents were placed in such places as Medan, Deli, Padang and Singkel in Sumatera, Riau and Sarawak. There were also stories from Sandakan and Patani, the latter describing the system of government and conditions of its inhabitants.

There was also a letter from Labuan on the values of newspapers. *Jawi Peranakan* embodied the geography of Malay world cosmopolitanism.

Generally the practice of news exchange became common place between *Jawi Peranakan* and several Java-based newspapers like *Selompret Melajoe*, *Bintang Barat Hindia-Nederland*. Apart from general correspondences and letters to the editor, the weekly also printed advertisements, as well as publicised prices of commodities such as tin, black pepper, white

THE newspaper *Jawi Peranakan* (1876 – 1895), the first Bahasa Melayu periodical in Malaysia grew from the enterprise of the Jawi Peranakan community.

NEXT WEEK:
“A Kedah Island”

Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTACIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.



Setinggi-tinggi *Tahniah*



kepada
**TUAN YANG TERUTAMA
TUN SERI SETIA (DR.)
HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM
YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA**

atas penganugerahan:

**SERI UTAMA MAHKOTA WILAYAH
(S.U.M.W.)**

yang membawa gelaran:

DATUK SERI UTAMA

Sempena:

Hari Wilayah Persekutuan 2021

Daripada:

**KDYMM SERI PADUKA BAGINDA
YANG DIPERTUAN AGONG XVI**

Ikhlas daripada



Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Pengurusan Tertinggi & Anggota SAMB

Fisur Anus : Apakah yang anda perlu tahu?



DR. SHANKAR GUNARASA




PERNAHKAH anda memgalami kesakitan yang amat sangat di dubur sehingga sukar untuk duduk. Malah pembuangan angin atau kentut juga memerlukan sehingga anda segan untuk membuang najis. Kalau hendak di huraikan, setiap kali pembuangan najis bagaikan ‘berak bergelas’. Jika anda pernah atau sedang mengalami masalah ini bermakna anda berkeungkinan besar mengalami “fisur anus”.

Apakah itu fisur anus? Ia adalah istilah medikal yang bermaksud “koyak” di bubur. Keadaan ini tidak membahayakan pesakit, cuma ianya memberi ketidaksesuaian sekiranya tidak diubati dengan baik. Jika ubatan secara topical tidak memberi keleongan, pembedahan terpaksa dilakukan. Sebab-sebab fisur anus biasanya dikaitkan dengan kecederaan yang berlaku pada rektum, anus atau penyakit lain, seperti buasir, sembelit. Bagaimanapun, sebab utama penyakit ini terjadi adalah kerana otot pintu lubang dubur menjadi terlalu ketat dan apabila najis keluar, ia menyebabkan lubang dubur terkoyak. Trauma ini juga berlaku kepada lapisan mucosa atau kulit dubur semasa laluan najis yang keras semasa sembelit.

Disebabkan lapisan anus yang kaya dengan urat saraf, ianya menyebabkan kesan kesakitan yang amat sangat kepada pesakit. Selain daripada sembelit, faktor lain yang boleh menyumbang kepada kesan koyak di dubur adalah masalah *Crohn's* rektum. *Crohn's* adalah sejenis keradangan di tangkal dubur atau rektum yang boleh menyebakan masalah fisur anus. Pembedahan di dubur seperti pembedahan buasir atau fistula anus adalah salah satu penyebab fisur anus.

Apakah anda perlu lakukan? Disebabkan fisur anus ini bersimptomkan pendarahan ber-



“Sebab utama penyakit ini terjadi adalah kerana otot pintu lubang dubur menjadi terlalu ketat dan apabila najis keluar, ia menyebabkan lubang dubur terkoyak. Trauma ini juga berlaku kepada lapisan mucosa atau kulit dubur semasa laluan najis yang keras semasa sembelit. ”

darah, anda perlu berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan teliti. Tidak kira apa punca pendarahan, pesakit perlu berjumpa doktor jika gejala ini berlaku. Ini kerana pemeriksaan terperinci perlu dilakukan oleh doktor untuk memastikan punca pendarahan tidak berulang. Ujian usus kolonoskopi juga perlu dilakukan kepada hampir semua pesakit



yang mengalami pendarahan dari dubur khasnya golongan berumur lebih daripada 50 tahun.

Rawatan pada permulaannya adalah secara konservatif di mana krim topical yang berkhususkan ‘calcium channel blockers’ disapu di permukaan dubur untuk melegakan tekanan *sphincter*/otot di dubur. Ini membolehkan luka atau kessn koyak di dubur sembah dengan baiknya. Juga pesakit akan diberi ubat pelawas untuk mengelakkan pembuangan

najis yang keras bagi pesakit yang sering sembelit. Ini akan mengurangkan kesan trauma di dubur. Pesakit juga akan dinasihat untuk mengamal diet makanan yang berserat. Bagi pesakit yang mengalami masalah *Crohn's rektum*, rawatan steroids akan dimulakan dan ini akan membolehkan fisur anus dapat disembuhkan dalam masa yang panjang.

Sekiranya fisur anus ini kronik, maknanya tidak ada cara lain selain pembedahan perlu. Lazimnya pembedahan ‘lateral sphincterotomy’ akan di lakukan di mana sphincter otot dubur dalaman (*internal sphincter*) di kerat satu pertiga daripada ketebalan asalnya. Ini membolehkan tekanan otot *sphincter* dalaman dikurangkan bagi melegakan kesakitan pesakit. Tetapi pembedahan ini perlu dilakukan dengan cermat agar tidak mengakibatkan kecederaan yang lebih kepada sphincter dalaman yang boleh menyebabkan ‘incontinence’.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan masalah fisur anus anda boleh berhubung dengan saya, **Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131.**



PKP 2.0: Peniaga lebih kreatif jana pendapatan

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH – Rata-rata peniaga di negeri ini sudah menjangkakan keputusan kerajaan melanjutkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 berdasarkan keadaan semasa COVID-19, namun bersyukur perniagaan masih dibenarkan beroperasi berbanding PKP 1.0 pada Mac tahun lalu.

Malah tinjauan Melaka Hari Ini (MHI) di sekitar kawasan ini mendapati kebanyakannya peniaga mereka berusaha menggandakan hasil jualan menerusi platform penghantaran makanan sedia ada berikutnya pelanggan masih dilarang makan di gerai atau restoran.

Bagi Nadia Fazilah Sumadi, 24, PKP 2.0 bukan alasan untuk bermalas-malas, sebaliknya peniaga perlu

menggandakan usaha dan mencari alternatif lain bagi menarik pembeli, contohnya menghantar makanan ke pintu rumah menerusi platform penghantaran makanan sedia ada.

Katanya, sebagai peniaga, dia tidak boleh berfikiran negatif apabila PKP 2.0 dilanjutkan sebaliknya bersyukur kerana perniagaan dibenarkan beroperasi seperti biasa.

“Kita sebagai peniaga ini tidak boleh fikir negatif sebaliknya positif dalam menjalankan perniagaan.

“Boleh sahaja kita lakukan alternatif lain seperti sekarang sudah ada COD (kaedah pembayaran tunai ketika serahan), jadi tiada masalah bagi peniaga, malah kini segala-galanya di hujung jari,” katanya ketika ditemui di gerai jualan kuihnya di sini.



HAMZI...Pelbagai platform sudah tersedia bagi membantu peniaga meningkatkan hasil jualan.

Nada sama disuarakan pemilik Restoran Selera Padang, Hamzi Abdul Latif, 29, yang menganggap PKP 2.0 kali ini harus dimanfaatkan sebaik mungkin oleh peniaga supaya lebih kreatif meman-

- Kita sebagai peniaga ini tidak boleh fikir negatif sebaliknya positif dalam menjalankan perniagaan.

dangkan pelbagai platform sudah tersedia bagi membantu peniaga meningkatkan hasil jualan.

“Buat masa sekarang kita kena lebih kreatif dan teruskan macam biasa, malah saya terpaksa cari alternatif lain dan Alhamdulillah jualan bertambah baik.

“Kerajaan dah tetapkan keputusan itu bukan suka-suka dan ada jalan penyeliasian yang terbaik untuk rakyat. Jadi kita sebagai rakyat kita kena akur dengan keputusan itu demi memastikan keselamatan semua pihak,” katanya.



NADIA...PKP 2.0 bukan alasan untuk bermalas-malas, sebaliknya peniaga perlu menggandakan usaha dan mencari alternatif lain bagi menarik pembeli.

Sementara itu, Mohd Syafiq Hamdan, 28, yang mengusahakan Nasi Ayam Geprek bersama isteri, berpendapat dalam waktu sukar

untuk mendapatkan pelanggan yang ramai ketika ini, peniaga seharusnya bijak menguruskan kuantiti barang perniagaan bagi mengelakkan pembaziran.

Katanya, dia turut melakukannya khidmat penghantaran makanan ke depan rumah bagi mendapatkan pendapatan sampingan daripada hasil jualannya.

“Saya memang ada buat penghantaran dari rumah ke rumah dan berusaha untuk melakukan apa saja yang termampu untuk menambah pendapatan keluarga.

“Namun, dalam keadaan isteri saya mengandung, saya terpaksa kurangkan penghantaran, sebaliknya hanya menumpukan kawasan sekitar gerai sahaja berbanding dahulu, semua kawasan saya hantar,” katanya.

‘Page Melaka’ dibangunkan menerusi Lazada

AYER KEROH – Kerajaan Melaka membangunkan laman ‘Page Melaka’ dalam platform e-dagang terkemuka, Lazada bagi membolehkan rakyat negeri ini mendapatkan keperluan harian secara atas talian.

Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) Jabatan Ketua Menteri, Saari Basiron berkata dalam keadaan negara berdepan dengan pandemik COVID-19, trend membeli-belah secara atas talian menjadi rutin harian berikutnya cara itu dapat memberikan keselesaan dan kemudahan kepada rakyat.

Katanya, trend itu semakin meningkat ketika rakyat berdepan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac tahun lalu.

“Berdasarkan rekod diperolehi, terdapat peningkatan 300 peratus dalam kalangan usahawan baru yang berdaftar menerusi platform Lazada.

“Ini menunjukkan platform berkenaan diakini dapat mengembangkan lagi produk pelancongan negeri Melaka, selain mempromosikan produk dan perkhidmatan itu dengan lebih meluas di seluruh negara,” katanya dalam satu kenyataan, baru-baru ini.

Beliau berkata, dengan memperluaskan produk menerusi platform itu, Melaka mampu menarik sasaran 6.2 juta pelancong ke negeri ini.

“Justeru itu, kerajaan negeri berbesar hati menjalankan kerjasama dengan pihak Lazada untuk berkongsi secara eksklusif dengan pengiat pelancongan menerusi beberapa



Lazada

insentif yang ditawarkan.

“Antara insentif itu adalah mengenepikan yuran ‘onboarding’ dan ‘listing’ kepada 550 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) atau penggiat industri pelancongan bagi melonggarkan syarat pendaftaran masuk ke platform Lazada.

“Selain itu, Lazada memberikan panduan ‘onboarding’ dan memberikan latihan melalui Universiti Lazada dengan usaha penasaran untuk memberikan sokongan yang diperlukan oleh semua usahawan,” katanya.

Sehubungan itu katanya, BBP memohon jasa baik semua usahawan dan penggiat industri di negeri ini untuk memberikan maklumat berkaitan sebagaimana dilampirkan dalam borang Maklumat Produk dan Perkhidmatan Pelancongan bagi Promosi dan Jualan Pakej Di Lazada selewat-lewatnya pada 19 Februari ini.

Jelasnya, borang berkenaan boleh diperolehi menerusi BBP dan maklumat yang lengkap diisi boleh diserahkan menerusi emel ke aasmimalia@yahoo.com atau zahir.tourismmelaka@gmail.com.

“Kempen jualan menerusi ‘Page Melaka’ dijangka akan dilancarkan pada awal Mac ini,” katanya.



SAARI



MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

NOTIS PEMBERITAHUAN PEMBETULAN

Adalah dimaklumkan bahawa terdapat pembetulan pada Bil Cukai Taksiran Harta Penggal Pertama Tahun 2021 Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) yang telah diposkan pada 01 Januari 2021 sehingga 31 Januari 2021. Terdapat pembetulan pada perkataan bayaran pada bil tersebut dan pembetulan adalah seperti berikut:

BUTIR-BUTIR BAYARAN

Cukai Tempoh I	RM	99.00
Cukai Tempoh II	RM	0.00
Tunggakan	RM	2,021.00
Bayaran Lewat Terdahulu	RM	502.20
Waran	RM	464.82
Lain-lain Caj	RM	30.00
Bayaran Sebelum 01/04/2021	RM	3,117.02
Bayaran Lewat Semasa	RM	9.90
Bayar Selepas 31/03/2021	RM	3,126.92

Lain - lain maklumat yang dinyatakan didalam Bil Cukai Taksiran Harta adalah tidak berubah



Setinggi-tinggi *Tahniah*



kepada
**TUAN YANG TERUTAMA
TUN SERI SETIA (DR.)
HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM
YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA**

atas penganugerahan:

**SERI UTAMA MAHKOTA WILAYAH
(S.U.M.W.)**

yang membawa gelaran:
DATUK SERI UTAMA

Sempena:
Hari Wilayah Persekutuan 2021

Daripada:
**KDYMM SERI PADUKA BAGINDA
YANG DIPERTUAN AGONG XVI**

Ikhlas daripada



Seluruh warga kerja Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd.



Setinggi-tinggi *Tahniah*



kepada
**TUAN YANG TERUTAMA
TUN SERI SETIA (DR.)
HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM
YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA**
atas penganugerahan:

**SERI UTAMA MAHKOTA WILAYAH
(S.U.M.W.)**

yang membawa gelaran:
DATUK SERI UTAMA

Sempena:
Hari Wilayah Persekutuan 2021

Daripada:
**KDYMM SERI PADUKA BAGINDA
YANG DIPERTUAN AGONG XVI**

Ikhlas daripada



PERTAM

Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Lembaga Pengarah,
Ketua Pegawai Eksekutif Dan Warga Kerja Perbadanan
Kemajuan Tanah Adat Melaka.

Tiada kaki bukan alasan untuk malas berusaha

Mohamad Fazrul Abdul Majid

JANGAN jadikan kekurangan diri sendiri sebagai asbab untuk ‘duduk di bawah ketiak orang lain’ dan menjadi malas.

Itu prinsip yang diterapkan Zainal Atan, 51, yang tetap berusaha untuk bekerja sebagai pemandu e-hailing meskipun dirinya tidak memiliki kedua-dua belah kaki.

Dia yang berasal dari Bahau, Negeri Sembilan kini aktif menjadi pemandu Grab sepanjang masa dengan menjadikan Bandaraya Melaka sebagai lokasi utamanya mencari penumpang.

Menurutnya, meskipun terpaksa berulang-alik 80 kilometer setiap hari dari kediannya di Tanjung Bidara ke kawasan bandar, namun itu bukan penghalang untuknya berusaha kuat demi mencari sesuap nasi buat isteri dan lima anak tirinya.

“Pernah juga isteri menyuruh saya berhenti kerja dan duduk di rumah sahaja memandangkan keadaan fizikal saya yang tidak sama dengan orang lain.

“Tetapi saya memang tak boleh duduk diam. Saya mesti buat sesuatu setiap hari kerana saya tidak mahu menjadi orang kelainan upaya (OKU) yang manja dan malas.

“Kebiasaannya memang setiap hari saya akan keluar sejak 8 pagi dan pulang 8 malam. Pendapatan yang diterima tidak menentu. Ada masa saya boleh mendapat RM50 ke RM60 sehari dan ada kalanya pulang dengan tangan kosong,” katanya kepada Melaka Hari Ini.

HILANG KAKI DI USIA MUDA

Bercerita tentang insiden hitam yang mengubah nasibnya daripada seorang lelaki

normal kepada OKU, Zainal berkata, kejadian berlaku ketika dia berumur 19 tahun dan bekerja di sebuah kilang sawit di Mersing, Johor.

Katanya, kejadian berlaku apabila dia tersepit mesin di kilang berkenaan dan membuatkan tulang belakangnya patah serta menjadi lumpuh.

Tidak berakhir di situ, kisah tragisnya kehilangan kedua-dua belah kaki berlaku beberapa bulan selepas itu apabila dia terkena air panas hingga menyebabkan berlakunya jangkitan kuman dan kakinya terpaksa dipotong.

“Selepas lumpuh, saya cuba untuk berdikari dan tidak menyusahkan keluarga. Ketika saya sedang memasak air, air yang sedang meggelegak itu terkena pada kaki dan itu lah yang mengubah hidup saya sepenuhnya.

“Pada awal memang sukar untuk saya menerima hakikat. Boleh dikatakan saya mengalami kemurungan pada waktu itu dan saya sering mengamuk serta memecahkan barang-barang di rumah.

“Namun, situasi saya semakin stabil selepas saya dapat melihat ke dunia luar dan menyaksikan sendiri bahawa ada individu di luar sana yang lebih susah daripada saya,” katanya.

JADI GELANDANGAN MASJID CINA

Disangka panas sampai ke petang rupanya hujan di tengah hari. Tiada siapa menyangka mahligai perkahwinan pertama yang dibinaanya berakhir dengan penceraian pada 2014.

Bermula dari itu, kehidupan Zainal berubah buat kali kedua yang mana dia akhirnya mengambil keputusan untuk keluar dari rumah keluarganya dan berhijrah ke Melaka.

Dia berkata, pada ketika itu dia hanya membawa diri sehelia sepunggang bersama sebuah kereta Proton Saga dan menjadikan Masjid Cina di Krubong sebagai rumah baharunya.

“Masa mula-mula selepas bercerai memang saya ‘down’ sangat. Pada waktu itu juga saya berselisih faham dengan keluarga membuatkan saya mengambil keputusan membawa diri.

“Tinggal beseorangan di Masjid Cina inilah yang banyak mengajar saya tentang erti kehidupan dan dari sini juga saya diberi tunjuk ajar untuk menjadi pemandu Grab,” katanya.

Zainal berkata, di Melaka jugalah dia bertemu dengan isterinya sekarang, Hayati Mohd Yusof, 48, dan anak tirinya yang banyak memberi sokongan dan kata-kata semangat untuknya meneruskan hidup.

MANGSA PENUMPANG DURJANA

Bercerita lanjut mengenai pengalamannya sebagai pemandu Grab, Zainal mengakui pernah beberapa kali ditipu penumpang yang tidak jujur.

Jelasnya, antara kejadian yang masih diingati ialah apabila membawa seorang wanita dari Sungai Udang ke Kampung Gangsa yang mana penumpang tersebut bertindak melarikan diri sejurus sampai ke destinasi tersebut.

Namun, kejadian paling tragis ialah ketika membawa seorang pelajar sebuah universiti swasta di Bukit Beruang yang mana ketika kejadian, keretanya terkandas dalam banjir, sebelum penumpang berkenaan bertindak melarikan diri dan meninggalkannya sendirian di dalam kereta.

“Ketika itu air naik sehingga ke tempat duduk ke-



ZAINAL menunjukkan keretanya yang diubah suai dengan modal RM2,500 bagi memudahkannya memandu.

reta. Penumpang itu bukan sahaja tidak bayar tambang, malah dia melarikan diri begitu sahaja tanpa membantu saya.

“Pada waktu itu, saya terpaksa menghubungi pihak bomba untuk menyelamatkan

saya. Kereta pula memang rosak teruk dan itulah antara pengalaman hitam yang pernah saya lalui,” katanya.

Namun, semua itu bukanlah pematah semangat buatnya, sebaliknya menjadikan dirinya lebih kuat untuk me-

nempuh pelbagai onak dan duri dalam kehidupan.

“Sabar dan perbanyakkan istighfar. Itulah pegangan saya untuk terus bertahan. Apa yang jadi sekalipun, saya perlu kuat dan sentiasa berfikiran positif,” katanya lagi.



KENYATAAN SEBUTHARGA

PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI BANGUNAN PEJABAT DUA TINGKAT MILIK PERTAM DI LOT NO.40,40-1,42,42-1,44,44-1,46,46-1,48,48-1, JALAN BKD 27, TAMAN BUKIT KATIL DAMAI 2, BUKIT KATIL MELAKA.

1. Tarawan adalah dipelawa daripada syarikat yang beralamat di dalam Negeri Melaka dan dikenalpasti berpengalaman dalam bidang kerja yang ditawarkan bertaraf Bumiputera serta berdaftar dengan:

Kementerian Kewangan Malaysia di dalam bidang:

220801 Perkhidmatan > Pertahanan Dan Keselamatan > Kawalan Keselamatan

2. Dokumen sebutharga yang berharga RM10.00 senaskah (Ringgit Malaysia : Sepuluh Ringgit Sahaja). Dokumen sebutharga boleh didapat di pejabat PERTAM selepas dari lawatan tapak dan hendaklah dibukukan / didokumentasikan.

3. Tarikh Lawatan Tapak

Tempat Lawatan Tapak (Wajib) : Bangunan Pejabat Dua Tingkat Di Lot No.40,40-1,42,42-1,44,44-1,46,46-1,48,48-1,Jalan BKD 27, Taman Bukit Katil Damai 2, Bukit Katil Melaka.

4. Dokumen tarawan akan dikeluarkan kepada wakil – wakil syarikat yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil – wakil syarikat hendaklah menyerahkan satu salinan sijil pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia kepada PERTAM.

5. Tawaran ini akan ditutup pada 17 Februari 2021, jam 12.00 tengahari.

6. Penyebutharga diwajibkan menghantar profil syarikat yang lengkap termasuk penyata kewangan bagi tempoh tiga (3) bulan terkini, dilampirkan bersama dokumen sebutharga yang telah lengkap.

7. Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakar dan bertulis dengan tajuk dan nombor sebutharga berkenaan di atas sebelah kiri sampul surat dan hendaklah dihantar supaya sampai ke dalam Peti Sebutharga Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka, Tingkat 8, Wisma Amanah, Jalan BBP 2, Taman Batu Berendam Putra, Batu Berendam, 75350, Melaka.

8. Pihak PERTAM tidak terikat untuk menerima mana – mana sebutharga.

Sekian dimaklumkan

Ketua Pegawai Eksekutif,
Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (PERTAM)



ZAINAL menanamkan prinsip dalam dirinya agar sentiasa berdikari dan tidak pernah mengharapkan bantuan orang lain.



Setinggi-tinggi *Tahniah*



kepada

**TUAN YANG TERUTAMA
TUN SERI SETIA (DR.)
HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM
YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA**

atas penganugerahan:

**SERI UTAMA MAHKOTA WILAYAH
(S.U.M.W.)**

yang membawa gelaran:

DATUK SERI UTAMA

Sempena:

Hari Wilayah Persekutuan 2021

Daripada:

KDYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG XVI

Ikhlas daripada



Apek tagih semangat penyokong

SAINGAN Liga Super 2021 yang dijadual bermula pada Mac depan diharap dapat diserikan semula dengan kehadiran penyokong setiap pasukan.

Bagi penjaga gol Melaka United FC (MUFC) Khairul Fahmi Che Mat, dia berharap Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) bersama pentadbir liga dapat berbincang untuk membenarkan kelibat ‘emain ke-12’ menyerikan stadium selepas setahun beraksi sunyi tanpa penonton.

Katanya, dengan adanya sokongan padu penyokong di stadium, sedikit sebanyak ia akan memeriahkan saingan Liga Malaysia dan pada masa sama menaikkan semangat pemain di padang.

“Harapan besar saya agar pihak FAM dan Liga Bola Sepak Malaysia (MFL) dapat berbincang dengan kerajaan untuk membenarkan kehadiran penyokong di stadium dalam norma baharu dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang digariskan.

“Saya yakin kehadiran penyokong dapat memberikan motivasi lebih tinggi

untuk pemain beraksi bersungguh-sungguh bagi membantu pasukan masing-masing,” katanya menerusi rakaman klip video yang dimuat naik MUFC di laman Youtube.


Mengenai penangguhan aksi Liga Super pada Mac depan, pemain yang mesra dengan panggilan Apek itu mengakui ada baik buruknya untuk pasukan.

“Positifnya, ia dapat memberi lebih masa kepada setiap pasukan untuk menjalani latihan selepas berakhirnya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 nanti.

“Namun, dari sudut keburukan pula perlawaan mungkin akan jadi lebih padat dengan aksi liga dan juga piala sepanjang musim ini,” kata-nya.

Sementara itu, tonggak pertahanan MUFC, Wan Amirul Afiq Wan Abdul Rahman pula berpendapat penangguhan saingan liga adalah sesuatu yang wajar untuk keselamatan semua yang terlibat.

Namun, pada masa sama pemain berusia 28 tahun itu berharap sesi lati-



APEK berharap FAM bersama pentadbir liga dapat berbincang untuk membenarkan kelibat ‘emain ke-12’ menyerikan stadium selepas setahun beraksi sunyi tanpa penonton. Foto Kredit FB MUSA

han berpasukan diberi kebebasan sepanjang PKP 2.0 selepas ia dilanjutkan lagi sehingga 18 Februari.

“Saya berharap sangat Majlis Keselamatan Negara (MKN) membenarkan latihan bola sepak berjalan se-

perti biasa walaupun terpaksa mengikut SOP yang lebih ketat.

“Dengan cara ini, semua

pasukan dapat melakukan persiapan sebagai persediaan menghadapi saingan liga pada Mac depan,” ujarnya.

Liga M3 ditunda ke Jun depan

SAINGAN Liga M3 2021 yang dijadual pada Mac ini ditunda ke Jun depan, menurut kenyataan rasmi Liga Bolasepak Amatur (AFL).

Pengerusi AFL Datuk Wira Mohd Yusoff Mahadi berkata, pindaan dibuat bagi memastikan kesihatan pemain dan pegawai serta perancangan pasukan yang bakal bertanding tidak terjejas berikutan situasi semasa pandemik COVID-19 yang belum pulih sepenuhnya.

“Walaupun kami ingin pertandingan Liga M3 musim 2021 ini dijalankan mengikut jadual awal seperti yang dirancang tetapi kesihatan serta keselamatan pemain dan pegawai pasukan adalah keutamaan buat kami di AFL,” katanya.

Bagaimanapun, Mohd Yusoff menzahirkan keyakinan, pindaan itu tidak akan menjelaskan proses saringan serta pengesahan pasukan bertanding yang dijangka selesai awal Mac.

Pada masa sama beliau percaya pindaan itu satu langkah proaktif bagi memastikan kelancaran semua aspek pertandingan termasuk pendaftaran pemain dan pasukan serta penjadualan perlawanan Liga M3.

MOHD Yusoff...pindaan itu satu langkah proaktif bagi memastikan kelancaran semua aspek pertandingan termasuk pendaftaran pemain dan pasukan serta penjadualan perlawanan Liga M3.



Safe Aim Mutual Sdn Bhd cari pelumba muda



PROGRAM tersebut terbuka kepada semua rakyat Malaysia berusia 13 hingga 18 tahun yang ingin menceburi dunia perlumbaan permotoran buat pertama kali. Foto Kredit FB Malaysian Cub Prix

PENGANJUR Kejuaraan Cub Prix Malaysia Petronas, Safe Aim Mutual Sdn Bhd akan mengadakan program pencarian bakat pelumba muda bagi menyertai tiga kategori satu pengeluar perlumbaan (One Make Race) dua roda tersebut pada musim ini.

Syarikat berkenaan dalam satu kenyataan baru-baru ini memaklumkan program tersebut terbuka kepada semua rakyat Malaysia berusia 13 hingga 18 tahun yang ingin menceburi dunia perlumbaan permotoran buat pertama kali.

Pengarah Safe Aim Mutual Sdn

Bhd, Ron Hogg berkata mereka yang berminat hanya perlu mendaftar nama masing-masing di laman sesawang program berkenaan, <https://www.malaysiancubprix.com/rider-search-2021/> yang dibuka bermula 3 sehingga 15 Februari.

“Pelumba yang disenarai pendek akan diminta hadir pada sesi pemilihan seterusnya yang akan dianjurkan oleh pihak Honda dan Yamaha,” katanya.

Tiga kategori utama Kejuaraan Cub Prix Malaysia Petronas adalah CP150, CP125 dan Wira KBS. - BERNAMA



Setinggi-tinggi
Tahniah



kepada
**TUAN YANG TERUTAMA
TUN SERI SETIA (DR.)
HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM
YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA**

atas penganugerahan:
**SERI UTAMA MAHKOTA WILAYAH
(S.U.M.W.)**

yang membawa gelaran:
DATUK SERI UTAMA

Sempena:
Hari Wilayah Persekutuan 2021

Daripada:
**KDYMM SERI PADUKA BAGINDA
YANG DIPERTUAN AGONG XVI**

Ikhlas daripada

HATTEN 惠胜



Setinggi-tinggi Tahniah

kepada
**Tuan Yang Terutama
Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam**

S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.

Yang di-Pertua Negeri Melaka

atas penganugerahan
Seri Utama Mahkota Wilayah
(S.U.M.W)

yang membawa gelaran
Datuk Seri Utama

sempena

Hari Wilayah Persekutuan 2021

daripada

**KDYMM SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG XVI**

Setulus Ikhlas Daripada :



Datuk Bandar,
Ahli-Ahli Majlis,
Setiausaha Bandaraya,
Ketua-Ketua Jabatan
dan seluruh warga kerja
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah



#KawalanDiri
#MelakaMestiMenangCOVID19
#SejahteraanBandarayaku
#MelakaHistoricCityCouncil



Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

majlis.bandaraya.melaka

MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH, GRAHA MAKMUR, NO.1 JALAN TUN ABDUL RAZAK - AYER KEROH, HANG TUAH JAYA, 75450 MELAKA